

BAB KEEMPAT

BAB IV

ANALISIS PENGEMBANGAN FITRAH BERAGAMA DIBEBERAPA MADRASAH ALIYAH NEGERI JAWA BARAT

A. Pengemaskinan Kurikulum Madrasah Aliyah Negeri.

Pada awalnya institusi pendidikan Islam (Madrasah Aliyah) di Indonesia, ditubuhkan atas dasar kesedaran masyarakat Islam untuk mencerdaskan generasi muda sebagai penerus perjuangan bangsa.

Ketika Indonesia masih di bawah penjajahan Belanda, perkembangan madrasah disekat dengan dibuatnya peraturan yang dikeluarkan oleh penjajah Belanda. Pengurusan madrasah pada masa penjajahan Belanda ini dibawah jabatan *Voor Inlandshe Zaken*.¹ Keadaan yang sama juga terjadi pada masa penjajahan Jepun.

Keadaan mulai lebih baik setelah Indonesia merdeka, Pada 3 Januari 1946 Kementerian Agama Republik Indonesia ditubuhkan, berdasarkan ketetapan kerajaan Republik Indonesia no. 1 tahun 1946 pada masa kabinet Sutan Syahrir.²

Berdasarkan keputusan menteri Agama no. 7 tahun 1952 bahawa jenis madrasah terdiri daripada: Madrasah Rendah, Madrasah Lanjutan Tingkatan

¹Imam Tolkhah (1999), *Sejarah Perkembangan Madrasah*. Jakarta: Departemen Agama RI, h. 98

²Ibid.

Pertama dan Madrasah Lanjutan Tingkat Atas.³ Proses penegerian (usaha menjadikan status negeri daripada madrasah swasta) madrasah menengah dimulai tahun 1967 berdasarkan surat keputusan Menteri Agama RI no. 80 tahun 1967. Pada tahun 1978, Madrasah Lanjutan Tingkat Atas berubah nama menjadi Madrasah Aliyah Negeri (MAN). Pada mulanya dikenal dengan nama MAAIN (Madrasah Aliyah Agama Islam Negeri) dan SP-IAIN (Sekolah Persiapan – Institut Agama Islam Negeri).⁴

Sejak awal penubuhannya, kurikulum di Madrasah Aliyah Negeri ini telah mengalami perubahan mengikut perkembangan zaman daripada semasa ke semasa. Pada tahun 1950 kurikulum madrasah ini mengandungi 70 peratus pelajaran agama dan 30 peratus pelajaran umum.⁵

Berdasarkan surat keputusan bersama tiga menteri, iaitu Menteri Agama nombor 6, tahun 1975, Menteri Pendidikan dan Kebudayaan nombor 037/U/1975 dan Menteri Dalam Negeri nombor 36 tahun 1975 pada 24 Mac 1975 menyatakan bahawa:⁶

- a. Ijazah madrasah mempunyai nilai yang sama dengan ijazah sekolah umum yang setaraf.

³Hasbullah (1966), *Sejarah Pendidikan Islam Di Indonesia*. Jakarta: Rajawali Press, h. 176

⁴Imam Tolkhah, Op.cit., h. 106

⁵Ibid., 115

⁶Zakiah Darajat (1994), *Ilmu Pendidikan Islam*. Jakarta: Bina Rupa Akasara, h. 45

- b. Lulusan madrasah boleh melanjutkan pelajaran ke sekolah umum yang lebih tinggi.
- c. Pelajar madrasah boleh berpindah ke sekolah umum yang sama tahap.

Mengikut keputusan bersama ini, Madrasah Aliyah telahpun mengemaskini kurikulumnya secara besar-besaran. Untuk membahaskan pengemaskinian kurikulum ini, penulis membahagikannya ke dalam dua periode, iaitu:

1. Kurikulum 1970 sehingga 1993

Sejak tahun 1970 sehingga tahun 1993 telah terjadi beberapa kali perubahan kurikulum, iaitu 1970-1975, 1976-1984, 1985-1993. Ianya sentiasa disesuaikan dengan tuntutan zaman daripada semasa ke semasa.⁷

Dalam tempoh tersebut Madrasah Aliyah Negeri mempunyai lima program pengkhususan, iaitu Ilmu Pengetahuan Alam, Ilmu Pengetahuan Sosial, Ilmu Bahasa, jurusan Agama/Syari'ah dan jurusan Peradilan Agama.⁸ Kelima-lima program pengkhususan tersebut diarahkan agar para graduannya memiliki kemampuan asas yang cukup untuk meneruskan pelajaran ke tahap universiti sesuai dengan minat dan kemampuan masing-masing.

⁷Hasil Temu Bual Dengan Encik Kholil pada 20 Januari 2001. Beliau adalah guru besar MAN I Garut

⁸Ibid.

Dengan adanya pengkhususan bidang ilmu-ilmu agama (Islam), maka pelajar yang mengambil program ini dapat mendalami ilmu-ilmu agama sehingga dalam perkembangan selanjutnya lahir calon-calon ulama yang handal. Sesuai dengan bidangnya, mereka mempelajari beberapa bidang pelajaran, iaitu al-Qur'ān al-hadith, akidah akhlak, fiqh, bahasa Arab, sejarah dan tamadun Islam, tafsir ilmu tafsir, hadith ilmu hadith, ilmu kalam, ushul fiqh, tarikh tasyri⁹, sejarah agama dan ditambah dengan beberapa mata pelajaran yang umum. Pelajaran yang umum itu terdiri daripada pendidikan moral pancasila, pendidikan sejarah dan perjuangan bangsa, bahasa dan sastera Indonesia, sejarah nasional Indonesia dan dunia, ekonomi, geografi, biologi, fizik, kimia, matematik, bahasa Inggeris, Pendidikan sukan dan kesehatan, pendidikan seni dan pendidikan ketampilan.⁹

Pelajar yang mengambil pengkhususan dalam bidang pengetahuan alam, sosial dan bahasa lebih diarahkan pada penguasaan mereka di bidang masing-masing, namun mereka juga masih mempelajari beberapa pelajaran agama, iaitu: al-Qur'ān al-hadith, akidah akhlak, fiqh, bahasa Arab dan sejarah tamadun Islam.¹⁰ Penambahan pelajaran dalam bidang agama seperti itulah yang membezakan pelajar Madrasah dengan pelajar Sekolah Menengah Umum (SMU).

Kurikulum Madrasah Aliyah tahun 1975 mengandungi program asas dengan perbandingan 70 peratus mata pelajaran umum dan 30 peratus mata-

⁹Ibid.

¹⁰Ibid.

pelajaran agama. Perbandingan itu tidak bermakna sedikit pelajaran yang dipelajari, justru pelajaran tetap diberikan 100 peratus.

Kandungan kurikulum Madrasah Aliyah tahun 1975 ini dimaksudkan untuk tujuan-tujuan berikut ini :¹¹

- a. Peningkatan mutu lulusan dengan penyediaan prasarana dan perlengkapan pendidikan, termasuk struktur kurikulum dan tenaga pengajar yang profesional.
- b. Meningkatkan aspek ketrampilan teknologi dan pengembangan nilai-nilai keagamaan di masyarakat selain yang telah diberikan secara teoritis.

Setelah surat keputusan bersama tiga menteri tahun 1975, dikeluarkan kembali surat keputusan bersama (SKB) menteri Pendidikan & Kebudayaan dan Menteri Agama Republik Indonesia No. 0299/U/1984 dan No. 45, tahun 1984 tentang pembakuan kurikulum Sekolah Menengah Umum dan kurikulum Madrasah. SKB dua menteri ini dijiwai oleh ketetapan Majelis Permusyawaratan Rakyat (MPR) No. II/TAP/MPR/1983 tentang perlunya penyesuaian sistem pendidikan selaras dengan adanya keperluan pembangunan di pelbagai bidang.¹² Antaranya memperbaiki dan menyempurnakan kurikulum sekolah sebagai salah satu usaha perbaikan penyelenggaraan pendidikan, sama ada di madrasah maupun di sekolah umum.

¹¹Zakiah Darajat (1994), *Ilmu Pendidikan Islam*. Jakarta: Bina Rupa, h. 45

¹²Imam Tolkhah, Op.cit, h. 117

Asas pembakuan kurikulum sekolah umum dan madrasah ini antara lain

:¹³

- a. Kurikulum sekolah umum dan madrasah mengandungi program inti dan program khusus.
- b. Program inti adalah untuk memenuhi tujuan pendidikan pada sekolah umum dan madrasah yang secara kualitinya ialah setaraf.
- c. Program khusus (pilihan) diadakan untuk membekalkan kemahiran kepada pelajar yang akan melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi.
- d. Pelaksanaan kurikulum di sekolah umum dan madrasah ialah sama.
- e. Perkara-perkara yang berhubung dengan tenaga guru dan prasarana pendidikan dalam rangka mencapai kejayaan, manakala pelaksanaan kurikulum akan diatur bersama oleh dua kementerian (Menteri Agama dan Menteri Pendidikan & Kebudayaan).

SKB dua menteri tersebut, melahirkan kurikulum 1984 untuk madrasah yang terdapat dalam keputusan Menteri Agama No. 101, tahun 1984. Dengan demikian kurikulum 1984 tersebut pada hakikatnya menghala pada SKB 3 menteri dan SKB 2 Menteri, sama ada dalam susunan, tujuan mahupun bahan kajian dan pelajarannya.

Rumusan kurikulum 1984 mengandungi beberapa perkara strategis sebagai berikut:¹⁴

¹³Hasbullah, Op.cit, h. 185

¹⁴Ibid., h. 186

- a. Program kegiatan kurikulum Madrasah Aliyah tahun 1984 dilakukan melalui kegiatan akademik dan ko-kurikulum, sama ada untuk program inti maupun program pilihan.
- b. Proses pembelajaran dilaksanakan dengan memperhatikan kesesuaian antara cara seseorang belajar dengan apa yang dipelajarinya.
- c. Penilaian dilakukan secara menyeluruh untuk keperluan peningkatan proses dan hasil belajar.

Susunan kurikulum Madrasah Aliyah mengandungi dua bahagian, iaitu program utama dan program pilihan. Program utama merangkumi pendidikan agama dan pendidikan dasar umum.¹⁵

Program pendidikan pilihan disediakan untuk pelajar yang sudah berada di tingkatan 2. Terdapat empat program pilihan, iaitu : Program pilihan ilmu-ilmu Agama, Ilmu Fizik, Biologi dan Sosial.¹⁶

Berdasarkan hasil kajian melalui metode dokumentasi diperolehi bahawa dalam tempoh tersebut lebih ramai pelajar yang masuk Madrasah Aliyah Negeri memilih program pengkhususan bidang agama. Antara faktor penyebab mereka memasuki program pengkhususan agama ini, kerana pemahaman masyarakat secara umumnya menganggap bahawa Madrasah Aliyah Negeri itu merupakan institusi pendidikan yang mempelajari ilmu-ilmu agama sahaja. Di samping itu, - orang tua pelajar yang menginginkan anaknya untuk masuk program pilihan ilmu

¹⁵Imam Tolkhah, Op.cit, h. 119

¹⁶Ibid.

sains dan sosial, mereka lebih memilih Sekolah Menengah Umum (SMU) daripada Madrasah Aliyah.

Kurikulum seperti ini tentu sahaja mempunyai pengaruh yang sangat besar terhadap pendidikan pelajar. Dengan banyaknya jumlah mata pelajaran keagamaan, khususnya bagi pelajar yang mengambil program pengkhususan agama memberikan pengaruh yang positif terhadap semangat pelajar dalam memperdalam ilmu-ilmu agama.

Pengetahuan para pelajar yang mendalam tentang ilmu agama ditambah lagi dengan pengamalan ajaran agama, seperti solat berjamaah, berdo'a, disiplin dalam belajar, menghormati waktu yang selalu mendapat perhatian guru dan kaki tangan sekolah pada umumnya; secara langsung maupun tidak langsung dapat menanamkan, mengembangkan, dan menyedarkan para pelajar terhadap fitrah beragama Islam yang dimilikinya. Ketauladan dan nasihat guru pula memainkan peranan yang penting untuk membiasakan para pelajar melakukan amal soleh yang dituntut oleh ajaran Islam.

2. Kurikulum 1994 sampai 2000

Dalam surat keputusan Menteri Pendidikan Dan Kebudayaan nombor 0484/U/1992 tentang Sekolah Menengah Umum pasal 1 ayat 6 dinyatakan bahawa : *Madrasah Aliyah ialah Sekolah Menengah Umum yang berciri khas agama Islam yang diselenggarakan oleh Kementerian Agama*. Manakala dalam keputusan menteri Agama Republik Indonesia nombor 370, tahun 1993 tentang

Madrasah Aliyah, ada perubahan orientasi yang cukup besar dalam institusi pendidikan ini. Dalam bab II pasal 2 daripada keputusan itu menjelaskan bahawa Madrasah Aliyah ialah pendidikan menengah tingkatan 3 sampai ke tingkatan 6 dalam bentuk sekolah menengah biasa yang bercirikan khas keislaman. Lahirnya surat keputusan ini diilhami oleh berkuatkuasanya Undang-Undang No. 2, tahun 1989 tentang sistem pendidikan Nasional.¹⁷

Dengan demikian di Madrasah Aliyah Negeri ini tidak dibuka program pengkhususan ilmu-ilmu agama. Program yang tersedia ialah seperti Sekolah Menengah Umum (SMU) biasa yang menyediakan program pengkhususan ilmu pengetahuan alam, ilmu pengetahuan sosial, dan bahasa. Perbezaan di antara kedua-duanya ialah ciri khas keislaman lebih menonjol pada Madrasah Aliyah, seperti kewajipan menutup aurat bagi pelajar-pelajarnya, jumlah waktu pelajaran pendidikan Islam lebih diperbanyakkan, tersedianya tempat beribadah (masjid) serta suasana kehidupan yang lebih diwarnai keagamaan dalam kehidupan sekolah.

Di samping itu yang dimaksudkan ciri khas agama Islam di Madrasah ialah merangkumi keseluruhan proses kegiatan pendidikan di madrasah, sesuai dengan kewujudan dan sejarahnya yang memiliki ciri-ciri dan karakter pendidikan Islam yang diwarnai oleh nilai-nilai keislaman. Nilai-nilai keislaman dalam proses pendidikan ini sangat mustahak diperlukan oleh umat Islam dalam rangka mewujudkan tujuan pendidikan Madrasah dan juga dalam mencapai matlamat

¹⁷ Madrasah Aliyah Negeri II Bandung, Op.cit, h. 1.

pendidikan secara nasional di Indonesia, iaitu terbentuknya manusia Indonesia seutuhnya¹⁸ juga sebagai muslim yang ta'at menjalankan syari'at Islam.

Untuk mencapai matlamat tersebut diperlukan suasana yang sesuai dalam kehidupan yang serba keislaman di kalangan pelajar, guru, dan kaki tangan sekolah secara keseluruhannya.

Perubahan kurikulum yang ditetapkan oleh Kementerian Agama Republik Indonesia membawa pengaruh yang sangat besar terhadap visi dan misi Madrasah Aliyah Negeri. Kurikulum baru ini mempunyai matlamat bahawa umat Islam harus menguasai perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi dengan cara mengajar ilmu-ilmu sains dan sosial kemanusiaan. Pada masa yang sama pula, mereka mempunyai keimanan dan tingkat ketakwaan yang tinggi kepada Allah s.w.t.

Dalam kurikulum ini tidak ada program pengkhususan ilmu-ilmu agama pada Madrasah Aliyah Negeri ini, sehingga membawa dampak yang kurang menggembirakan bagi membentuk dan melahirkan calon ulama dan *da'i-da'i* Islam yang mempunyai kehandalan dalam menguasai ilmu-ilmu keagamaan.

Dengan kurikulum ini, kesempatan para pelajar untuk lebih mengkaji aspek keagamaan di dalam kelas semakin berkurang, iaitu hanya 10 peratus.

¹⁸Istilah manusia seutuhnya dipopulerkan dalam seksen 4 Undang-undang Pendidikan Nasional No. 2 tahun 1989. Dalam Undang-undang tersebut, manusia seutuhnya bermakna manusia yang beriman dan bertakwa kepada Tuhan Yang Maha Esa dan berbudi pekerti luhur, memiliki pengetahuan dan keterampilan, sehat jasmani dan rohani berkepribadian yang mantap dan mandiri serta rasa bertanggung jawab terhadap masyarakat dan bangsa.

berbanding 90 peratus untuk pelajaran umum¹⁹. Perkara ini tentu sahaja memberikan kesan pada peningkatan pengalaman, pemahaman keagamaan para pelajar.

Namun demikian dengan kurikulum baru ini, usaha mengembangkan pelajar sebagai makhluk yang mempunyai fitrah beragama mendapat perhatian yang cukup serius. Dalam kurikulum yang baru ini pesanan-pesanan ketuhanan tidak sahaja terdapat pada mata pelajaran pendidikan Islam, tetapi juga pada pelajaran lainnya. Misalnya pada pelajaran sains yang membicarakan fenomena 'alam, di situ juga seorang pelajar akan mendapatkan penjelasan daripada gurunya bahawa alam ini ada yang menciptakannya, Dialah Allah s.w.t. Dengan mempelajari 'alam dan mengungkap rahasia yang terkandung di dalamnya, di situ telah terkandung pelajaran bahawa Allah s.w.t. sebagai Tuhan Yang Maha Kuasa menciptakan segalanya.

Dengan demikian dalam pelaksanaannya, proses pembelajaran di Madrasah Aliyah Negeri ini diarahkan kepada:²⁰

- a. Peningkatan pendidikan agama Islam melalui semua pelajaran pendidikan agama.
- b. Peningkatan pendidikan agama Islam melalui mata pelajaran umum.
- c. Peningkatan pendidikan agama Islam melalui kegiatan ko-kurikulum.

¹⁹Imam Tholkhah, Op.cit., h. 122

²⁰Departemen Agama RI (1997), *Pedoman Pelaksanaan Kurikulum Madrasah Aliyah Berciri Khas Agama Islam*. Jakarta: Direktorat Jenderal Pembinaan Kelembagaan Agama Islam, h. 24

- d. Peningkatan pendidikan agama Islam melalui penciptaan suasana keagamaan di madrasah.
- e. Peningkatan pendidikan agama Islam melalui pembiasaan dan pengamalan ajaran agama secara umumnya serta solat berjamaah di madrasah.

*

Dengan menggunakan strategi pembelajaran di atas, maka matlamat yang mahu dituju ialah sebagai yang berikut:²¹

- a. Semakin meningkatnya program-program pendidikan agama secara optima, antara lain melalui penambahan waktu pelajaran pendidikan agama.
- b. Semakin terhindarnya pemisahan pendidikan, iaitu pendidikan umum dan pendidikan agama, sehingga dapat terjadinya gabungan dan saling berkait antara ilmu pengetahuan (sains) dengan ajaran agama.
- c. Semakin terwujudnya suasana keagamaan, iaitu dengan 'amal 'ibadah dalam kehidupan sehari-hari.
- d. Semakin terwujudnya rasa mengagungkan kebesaran Allah s.w.t, melaksanakan *syi'ar* dan ajaran-ajaran agamanya serta menjalankan solat berjamaah.
- e. Semakin meningkatnya kesedaran untuk memuliakan agama Allah s.w.t, mencintai orang tua dan menghormati gurunya serta mengamalkan amal soleh dalam erti yang seluas-luasnya.
- f. Semakin meluasnya kegiatan ko-kurikulum yang menitikberatkan kegiatan keagamaan sehingga mampu mengembangkan keperibadian pelajar secara utuh sama ada dalam mengembangkan sikap, perilaku dan pola fikir, mahupun

²¹Ibid.

dalam rangka memantapkan pelaksanaan dan pengalaman ajaran agama Islam demi memperolehi keredaan Allah s.w.t.

- g. Semakin terpeliharanya pelaksanaan ajaran Islam di sekolah, sama ada tentang kebersihan, ketertiban, keindahan, keamanan mahupun semangat kerja sama.

Dalam kurikulum ini, peranan guru dalam menyampaikan pesanan-pesanan tauhid sangat diperlukan sama ada di dalam mahupun di luar kelas, tidak kira dia guru Pendidikan Agama Islam atau guru mata pelajaran lainnya.

B. Pembelajaran Beberapa Mata Pelajaran Agama Islam

Seperi yang telah dijelaskan oleh penulis dalam perbahasan sebelumnya bahawa Madrasah Aliyah Negeri yang menjadi sampel dalam kajian ini sejak tahun 1994 sampai sekarang merupakan sekolah umum yang mengajar ilmu-ilmu umum. Namun ada perbezaan dengan Sekolah Menengah Umum (SMU), iaitu penambahan untuk mata pelajaran agama.

Sejak ditubuhkannya sampai tahun 1993, Madrasah Aliyah Negeri merupakan sekolah yang menyediakan program pengkajian agama di samping pengkajian ilmu-ilmu yang lainnya. Lulusan yang mengambil program pengkhususan pengkajian agama Islam ini diharapkan menjadi calon-calon ulama yang menguasai ilmu-ilmu agama Islam yang kemudian dapat melanjutkan pendidikan ke universiti program pengajian Islam.

Mengikut kurikulum yang terbaru yang dikeluarkan oleh kementerian Agama Republik Indonesia, telah terjadi perubahan kurikulum yang sangat besar dalam institusi pendidikan Islam ini. Namun demikian, ada beberapa mata pelajaran agama Islam yang masih dipertahankan sampai sekarang, iaitu : al-Qur'an al-Hadith, Aqidah & Akhlak, Fiqh dan Bahasa Arab.²²

Dengan mempertimbangkan semua itu, pada bahagian ini, penulis akan membahas tentang proses pembelajaran yang dilaksanakan di lima Madrasah Aliyah Negeri Jawa Barat dalam mata pelajaran agama Islam, iaitu : al-Qur'an Hadith, Aqidah & Akhlak dan Fiqh. Mata pelajaran tersebut sangat penting untuk dikaji lebih lanjut kerana sejak ditubuhkannya Madrasah Aliyah Negeri sampai kini masih tetap diajarkan kepada para pelajarnya, walau telah terjadi perubahan kurikulum sekalipun.

Berdasarkan hasil temuan di lapangan, dapatlah dikemukakan di sini bahawa proses belajar mengajar secara formal di dalam kelas di lima Madrasah Aliyah Negeri di Jawa Barat mempunyai banyak persamaan; bahkan penulis menyimpulkan memang sama dan sulit sekali bagi penulis untuk mencari perbezaannya. Ini terjadi disebabkan oleh polisi dan arahan yang sama daripada pemegang keputusan, iaitu kementerian Agama Republik Indonesia.

Pola komunikasi antara guru dan pelajar dalam menyampaikan nasihat-nasihat dan pengetahuan agama Islam kepada para pelajarnya di dalam kelas

²²Imam Tolkhah, Op.cit, h. 209-212

menggunakan beberapa metod mengajar, antaranya ceramah, soal jawab, tugasan (*assignment*), demonstrasi dan lain-lain.

Untuk lebih jelasnya, penulis akan mengemukakan hasil penyelidikan tentang proses pembelajaran mata pelajaran Agama Islam di lima Madrasah Aliyah Negeri di Jawa Barat berikut ini :

1. Mata Pelajaran al-Qur'ān al-Hadith

a. Pelajaran al-Qur'ān

Al-Qur'ān ialah kalam s.w.t. yang diturunkan dengan perantaraan Jibril ke dalam hati Rasulullah s.a.w. (Muhammad bin Abdullah) dengan *lafaz* bahasa Arab dan dengan makna yang benar, agar menjadi hujjah Rasulullah s.a.w. dalam pengakuannya sebagai Rasul Allah dan dipandang suatu ibadah jika membacanya.¹⁴

Untuk mengetahui proses pembelajaran al-Qur'ān dibeberapa Madrasah Aliyah Negeri Jawa Barat, penulis mengadakan temubual dengan guru mata pelajaran al-Qur'ān al-Hadith.¹⁵ Ada beberapa soalan yang diungkapkan, iaitu:

Penulis bertanya tentang metode yang digunakan dalam menyampaikan pelajaran al-Qur'ān, guru menjawab : Kami selalunya menggunakan metode ceramah, soal jawab, latihan (*drill method*), Pemberian tugas (*assignment*). Kami menggunakan metode ini dengan beberapa pertimbangan, iaitu : Pertama, kami memperolehi pengetahuan ketika

¹⁴ Abdul Wahab Khallaf, op.cit., h. 22

¹⁵ Hasil temubual dengan Encik Tatan Jamaluddin pada 15 Januari 2001. Beliau ialah guru Madrasah Aliyah Negeri Bandung.

belajar dulu bahawa metode ini yang dianggap tepat untuk menyampaikan pelajaran al-Qur'ān. Kedua, kami melihat bahawa penggunaan metode itu sangat sesuai dengan usia perkembangan pelajar kami. Ketiga, metode tersebut sangat sesuai dan tepat dilaksanakan di madrasah kami.

3

Ketika penulis bertanya tentang langkah-langkah yang ditempuh ketika mengajar pelajaran al-Qur'ān di kelas ? Guru menjawab : Kami melihat bahawa pelajar kami sudah boleh membaca al-Qur'ān, namun kami selalu mengingatkan kembali kepada mereka agar selalu belajar. Oleh itu ketika kanii masuk ke kelas, kami melakukan beberapa langkah berikut, iaitu :

Pertama, kami menulis beberapa ayat al-Qur'ān di papan tulis dengan tulisan yang jelas dan baik. Kemudian kami memilih beberapa orang pelajar untuk membacanya lalu diikuti oleh pelajar-pelajar yang lainnya. Lepas itu kami memberikan contoh bacaan yang benar dan baik. Akhirnya kami meminta kembali beberapa pelajar mengulangi bacaan tersebut sesuai dengan kaidah ilmu tajwid.

.....

Kedua, perkataan yang dianggap penting dan sulit ditulis lagi dan terpisah dengan ayat seluruhnya. Kemudian diberi makna dalam bahasa Indonesia sehingga memudahkan pelajar untuk menghafalnya.

Ketiga, kami menterjemahkan ayat-ayat tersebut serta menjelaskan tentang sejarah sebab turun (*asbabun nujul*) ayat tersebut, tafsir dan mesej yang terkandung di dalamnya. Kemudian kami menyuruh pelajar menterjemahkan ayat tersebut serta menerangkan kembali kandungan ayat itu. Selanjutnya ketika mengakhiri suatu pelajaran, kami selalu memberikan

nasihat yang berhubungan dengan pelajaran yang disampaikan. Kami selalu mengingatkan mereka bahawa belajar ilmu agama bukan hanya setakat menambah ilmu semata-mata, tetapi yang lebih penting ialah mempunyai pengaruh yang positif terhadap peningkatan iman dan amal soleh.

*

Hasil temubual antara penulis dan guru di atas telah menunjukkan bagaimana proses pembelajaran terjadi di dalam kelas. Lima orang guru daripada lima Madrasah Aliyah Negeri di Jawa Barat menunjukkan jawaban yang hampir sama. Oleh itu penulis hanya mengambil salah satu sahaja daripada responden.

b. Pelajaran al-Hadith

Al-Hadith yang berhubungan dengan Nabi s.a.w. sering juga disebut al-Sunnah. Al-Sunnah ialah perkara yang datang daripada Rasulullah s.a.w. sama ada ucapan, perbuatan mahupun pengakuannya (*taqrir*).¹⁶

Pengajaran al-hadith merupakan bahagian yang tidak terpisahkan daripada pengajaran Agama Islam, sama ada di Madrasah mahupun di sekolah-sekolah biasa. Pengajaran al-hadith ini merangkumi informasi tentang teks yang dihubungkan dengan Nabi Muhammad s.a.w. Sesuatu yang disandarkan kepada Nabi s.a.w. Kandungan al-hadith berupa perkataan Nabi s.a.w, perbuatan mahupun *taqrirnya* (persetujuan Nabi).¹⁷

¹⁶ Abdul Wahhab Khallaf, op.cit., h. 47

¹⁷ Ibid., h. 47-49

Berdasarkan hasil temubual dengan guru mata pelajaran al-Qur'an al-Hadith, proses pembelajaran al-hadith di dalam kelas ialah seperti berikut ini :¹⁸

Ketika penulis bertanya tentang metode yang gunakan untuk menyampaikan pelajaran al-Hadith di dalam kelas? Mereka menjawab: Ada beberapa metode yang sering kami gunakan, iaitu : metode ceramah, soal jawab, pemberian tugas (*assignment*) dan metode pemecahan masalah (*problem solving method*). Kami melihat ada kesesuaian antara metode tersebut dengan pelajaran yang kami sampaikan.

Ketika penulis bertanya tentang langkah-langkah yang dilakukan ketika mengajar pelajaran al-Hadith di dalam kelas ? Guru menjawab : Ada beberapa langkah yang kami lakukan, iaitu :

Pembukaan; Pelajaran dimulai dengan membaca *bismillah* serta doa agar para pelajar sentiasa menghubungkan segala aktivitinya dengan Allah s.w.t. kemudian kami menyampaikan informasi kepada mereka tentang tema pelajaran hadith yang akan dibahas.

Perbahasan; pertama, kami menulis teks hadith di papan tulis dengan baik, jelas dan lengkap dengan *sanad* dan *rawinya*. Kedua, kami terjemahkan teks hadith tersebut ke dalam bahasa Indonesia sehingga hadith tersebut mudah difahami oleh pelajar. Ketiga, kami bahas sedikit demi sedikit tentang *nahwu* dan *sharafnya*. Keempat, kami jelaskan maksud dan mesej yang terkandung dalam hadith tersebut serta *asbabul wurudnya* (jika ada).

¹⁸Hasil temubual dengan Encik M.U Subhana pada 27 Januari 2001. Beliau ialah guru Madrasah Aliyah Negeri Cibatu.

Kesimpulan; Pada bahagian ini ada beberapa langkah yang kami lakukan: Pertama, kami menulis kesimpulan pelajaran untuk hari itu. Kedua, peserta didik disuruh menulisnya dalam buku masing-masing secara lengkap. Ketiga, para pelajar disuruh membaca, menterjemahkan dan mengambil kesimpulan daripada al-Hadith tersebut. Ketiga, para pelajar didorong agar sentiasa mengulangkaji pelajaran tersebut di rumah. Dan yang keempat, pelajaran ditutup dengan bacaan al-hamdulillah dan doa dengan harapan agar para pelajar mendapat berkat daripada Allah s.w.t.

Ketika penulis mempermasalahkan tentang sukaan pelajaran ilmu al-Hadith (*ulumul hadith*), mereka (guru) menjawab : Kami melakukannya dengan menggunakan metode ceramah dan soal jawab. Metode ceramah dimaksudkan agar kami memberikan *input* pengetahuan kepada mereka dan ketika ada masalah kami selalunya melakukan soal jawab .

Penulis difahamkan bahawa pelajar sering diberikan tugas oleh guru untuk menyelesaikan pekerjaan rumah (*home work*) yang berhubungan dengan isi pelajaran yang baru dipelajarinya di madrasah.

2. Pelajaran Aqidah Akhlak

a. Pelajaran Aqidah

Perkataan *aqidah* daripada segi bahasa bererti yang dipercaya hati.¹⁹ Kalau perkataan itu disambung dengan perkataan Islam bermakna perkara-perkara yang diyakini oleh orang Islam. Maksudnya mereka menetapkan dan meyakini sepenuh hati terhadap kebenaran yang disebutkan dalam al-Qur'an dan al-Hadith Nabi Muhammad s.a.w.²⁰

Aqidah *Islamiyyah* selalu berkaitan dengan iman, iaitu beriman kepada Allah s.w.t., malaikat-malaikatNya, Kitab-kitabNya, Rasul-rasulNya, hari akhir dan ketentuanNya sama ada yang baik mahupun yang buruk. Allah s.w.t memerintahkan semua umat manusia untuk menggunakan akal fikiran dengan sebaik-baiknya. Sebab salah satu cara untuk *berma'rifat* (mengetahui), mengenal, dan mengimani sifat-sifat dan kekuasaan Allah s.w.t. ialah dengan memperhatikan segala makhluk ciptaanNya.²¹

Menanamkan benih-benih keimanan sepatutnya dilakukan sejak awal-awal lagi, iaitu ketika anak itu baru lahir. Rasulullah s.a.w mengajar

¹⁹Muhammad Yunus (1973), *Kamus Arab – Indonesia*. Jakarta: YPPP-AL-Qur'an, h. 275

²⁰Syamsuddin Yahya (1999), *Metodologi Pengajaran Agama*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar, h. 88

²¹ibid.

bahawa ketika anak bayi baru lahir beliau mengazarkan di sebelah kanan telinganya dan diiqamahkan disebelah kirinya. Usaha menanamkan keimanan mesti sentiasa dilakukan secara berterusan, termasuk kepada mereka yang masuk usia remaja.

*

Para pelajar di Madrasah Aliyah Negeri di Jawa Barat mendapat perhatian kerajaan Indonesia agar mereka dididik keimanannya. Sejauh manakah usaha yang dilakukan guru dalam mendidik rasa keimanan pelajar di dalam kelas?

Berikut ini ialah hasil temubual antara penulis dengan beberapa guru mata pelajaran Aqidah Akhlak:

Ketika penulis bertanya tentang metode yang digunakan dalam menyampaikan pelajaran Aqidah, mereka menjawab: Kami selalunya menggunakan metode ceramah, tanya jawab dan diskusi. Selanjutnya mereka (guru) menjelaskan tentang langkah-langkah yang biasanya ditempuh dalam menyampaikan pelajaran aqidah; *Pertama*, Sebagai pendahuluan kami mengajak pelajar kami membaca bismillah dan diikuti berdoa. Selanjutnya kami selalu menulis ayat *بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ* pada bahagian atas papan tulis. Kami berusaha menulis sebaik mungkin agar menarik minat pelajar. Menurut kami, tulisan ini sangat berpengaruh secara positif terhadap pembinaan dan pengembangan iman mereka.

Kedua, kami membincangkan isi pelajaran aqidah dengan pelajar kami. Kami mencuba mengemukakannya dengan cara yang menarik dan

berkesan, bahasa yang jelas dan lancar serta mudah difahami oleh mereka. Kami sentiasa memberikan penjelasan kepada mereka dengan dalil-dalil akal agar mereka mudah menerimanya. Kemudian kami menerangkan dalil *naqli* yang berhubungan dengan sukan pelajaran tersebut, sama ada daripada al-Qur'an mahupun al-Hadith. Untuk menambah lagi keyakinan mereka kami berusaha memberikan perbandingan kepada mereka dengan konsep agama lain. Ini kami lakukan untuk lebih memperkuat tauhid Islam mereka. Selanjutnya kami sentiasa memperingatkan mereka untuk benar-benar menyedari bahawa aqidah ialah syarat mutlak keislaman seseorang. Orang yang tidak memiliki aqidah yang kukuh akan menjadi kafir. Di samping itu, kami selalu mengingatkan mereka agar mentaati segala perintah agama dan beribadah dengan baik, teratur dan berterusan serta menjauhi segala yang dilarangNya.

Ketiga, kami mengadakan evaluasi, untuk melihat sama ada mereka sudah memahami pelajaran yang telah disampaikan, kalau kenyataannya belum maka kami akan mengulangnya kembali dengan menggunakan metode yang berbeza.

Keempat, sebagai penutup; kembali kami memberi nasihat agar mereka mengamalkannya dengan baik, bahkan kalau memungkinkan kami mendorong mereka agar menyampaikan kepada orang yang dekat sebagai misi dakwah.

Kelima, Kami mengajak mereka membaca *al-hamdulillah* dan doa penutup.²²

²² Hasil temubual dengan Encik Sapji pada 23 Januari 2001. Beliau ialah guru Madrasah Aliyah Negeri I Sumedang.

Berdasarkan hasil temubual di atas, penulis melihat kesungguhan para guru mata pelajaran aqidah untuk menanamkan aqidah Islamiyah kepada para pelajarnya. Guru mata pelajaran aqidah nampak telah menyedari sepenuhnya bahawa untuk menanamkan keimanan yang mantap kepada pelajar tidak sahaja memberikan pengetahuan tentang keimanan dengan menggunakan dalil-dalil rasional tetapi juga berusaha menyedarkan jiwa mereka. Oleh itu, nasihat yang disampaikan sepatutnya menyentuh kalbunya.

Keyakinan seorang pelajar kepada Allah s.w.t. sebagai pencipta alam ini, tidak akan muncul begitu sahaja selepas dia mengetahui siapa Allah itu? Dimanakah Dia berada? Apa kekuasaanNya?. Masalahnya bukan hanya tertumpu pada jawapan-jawapan daripada soalan itu, akan tetapi masalah iman ialah masalah hidayah yang dianugerahkan oleh Allah s.w.t. kepada hambaNya yang Dia kehendaki.²³ Oleh itu, berdoa agar Allah s.w.t. sentiasa memberikan hidayahNya kepada kita merupakan suatu yang wajib dilakukan, termasuk ketika seorang guru dan pelajarnya melaksanakan tugas masing-masing; guru mengajar dan pelajar belajar.

Kebiasaan berdoa yang dilakukan oleh pelajar Madrasah Aliyah Negeri ketika mereka memulai dan mengakhiri suatu pelajaran merupakan langkah yang tepat dan usaha ini mestilah terus dilakukan secara berterusan.

²³Lihat Surah al-Qasas (28): 56

b. Pelajaran Akhlak

Perkataan akhlak berasal daripada bahasa Arab. Perkataan tersebut merupakan bentuk jamak daripada *khuluq* (خُلُقٌ) yang bererti budi pekerti, perangai, tingkah laku atau tabiat²⁴.

Mengikut Ibnu Maskawaih akhlak merupakan keadaan jiwa seseorang yang mendorongnya untuk melakukan perbuatan-perbuatan tanpa pertimbangan (terlebih dahulu).²⁵ Daripada pengertian itu dapatlah difahami bahawa akhlak merupakan kehendak jiwa manusia yang menimbulkan perbuatan dengan mudah kerana kebiasaan, tanpa memerlukan pertimbangan terlebih dahulu. Dengan demikian suatu perbuatan dapat disebut akhlak apabila perbuatan itu dilakukan secara berulang-ulang sehingga menjadi kebiasaan serta dilakukan kerana dorongan jiwa yang suci, bukan kerana ada tekanan daripada iuar.

Sudah merupakan kewajipan bagi guru, khususnya guru mata pelajaran akhlak untuk mendidik akhlak para pelajarnya. Mendidik akhlak bukan hanya sekadar mengajarkan pengetahuan tentang akhlak tetapi juga menanamkan nilai-nilai akhlak itu ke dalam jiwanya. Menanamkan nilai-nilai yang baik merupakan masalah yang perlu diambil perhatian semua pihak, termasuk oleh para guru ketika mengajar di dalam bilik darjah.

²⁴Mahmud Yunus, op.cit., h. 120

²⁵Ibnu Maskawaih (1959). *Tahzibul Akhlak Wa Tatriqul A'roq*. Mesir: Dar al-Surûr, h.31

Mengikut Barmawi Umari, tujuan pengajaran akhlak ialah sebagai berikut, iaitu *pertama*, supaya para murid terbiasa melakukan yang baik, indah, mulia, terpuji serta menghindari yang buruk, hina dan tercela. *Kedua*, supaya para pelajar dapat menjalin hubungan dengan Allah Yang Maha Pencipta serta dapat berhubungan secara harmonis dengan sesama makhlukNya.²⁶

Setiap orang yang telah mengakui Islam sebagai agamanya mempunyai kewajipan untuk mengajak orang lain kepada kebenaran dan menjauhi keburukan.²⁷ Di dalam bilik darjah ialah menjadi tugas guru untuk menyampaikan pesanan-pesanan akhlak kepada para pelajarnya. Pada bahagian ini penulis akan mengemukakan langkah-langkah yang dilakukan oleh guru Madrasah Aliyah Negeri Jawa Barat dalam menyampaikan pelajaran akhlak kepada pelajarnya.

Berdasarkan hasil temubual dengan para guru mata pelajaran akhlak, penulis dapatlah mengatakan di sini bahawa para guru di lima Madrasah Aliyah Negeri di Jawa Barat telahpun memiliki kesungguhan. Ini dibuktikan oleh komitmen mereka dalam menjalankan aktiviti mengajar sesuai dengan tugas yang dipikulnya. Kehadiran mereka secara berterusan ke dalam kelas sesuai dengan jadualnya serta sikap keseharian yang ditampilkan oleh guru (paling tidak selama di madrasah) sudah sesuai dengan tuntutan akhlak Islam, merupakan bukti pernyataan ini.

²⁶Barmawi Umari (1984), *Materi Akhlak*. Solo:Ramadhani, h. 2

²⁷Lihat Surah al-Nahl (16) : 125

Penulis memperolehi informasi daripada mereka (guru) bahawa metode yang sering digunakan dalam menyampaikan pelajaran akhlak ialah metode ceramah, soal jawab, dan diskusi.²⁸ Di Madrasah Aliyah Negeri ini ternyata bahawa pendidikan akhlak tidak hanya diajarkan melalui pelajaran akhlak sahaja akan tetapi juga pada hampir semua mata pelajaran sudah mengandungi pesanan akhlak.

Ketika penulis bertanya tentang langkah-langkah yang sering digunakan di dalam kelas bagi menyampaikan mata pelajaran akhlak, guru menjawab sebagai berikut:

Pertama: Kami mengadakan pendekatan awal, iaitu kata-kata pembukaan tentang perkara-perkara yang ada hubungannya dengan tajuk pelajaran hari ini, mengarahkan perhatian pelajar supaya sedia menerima pelajaran serta mempersiapkan alat-alat yang akan digunakan dalam pelajaran.

Kedua : Kami menuliskan sukanan pelajaran yang akan disampaikan dengan di awali kata-kata .—————^{الرحمن الرحمن}

Ketiga : Kami mengadakan perbualan dengan pelajar tentang sifat-sifat utama yang perlu diamalkan atau sifat-sifat yang buruk yang perlu dijauhi. Kami berusaha memberikan contoh-contoh yang lebih mudah difahami oleh pelajar tentang mata pelajaran yang kami ajarkan waktu itu. Di samping itu, ada kalanya kami menceritakan kisah seorang tokoh yang

²⁸ Hasil temubual dengan Cik Khotimah pada 25 Januari 2001. Beliau ialah guru Madrasah Aliyah Negeri Cipasung.

mempunyai sifat yang baik, berjasa besar, gagah berani serta tabah dalam menghadapi segala cabaran dan cubaan. Kami berusaha menyampaikan dengan bahasa yang mudah, menarik dan berkesan. Kemudian kami meminta beberapa orang pelajar untuk membuat kesimpulan daripada kisah yang kami ceritakan. Kami juga selalu mengingatkan mereka tentang bahaya dan akibat buruk yang akan diterima apabila orang mempunyai akhlak yang buruk, jahat dan dengki. Oleh itu kami sentiasa menasiharkan pelajar kami supaya sentiasa menjauhi sifat-sifat tercela serta berusaha untuk selalu memiliki keperibadian yang anggun.

Keempat, Kami mencuba bertanya kepada pelajar kami, kalau ada di antara mereka yang mengetahui/hafal ayat-ayat al-Qur'an atau al-Hadith yang ada hubungkait dengan isi pelajaran. Kalau ada antara mereka yang telah mengetahui maka kami menyuruh mereka untuk inengungkapkannya serta menyuruh menulisnya di papan tulis, tetapi ketika mereka belum mengetahuinya maka kamilah yang menulis di papan tulis dan kemudiān menjelaskan kandungan ayat itu kepada mereka.

Kelima, Kami menulis beberapa kesimpulan yang diperolehi daripada hasil pembahasan terhadap sukanan pelajaran di papan tulis, atau kadang-kadang juga kami membuat kesimpulan dengan mengungkapkan langsung kepada mereka agar menulisnya di buku masing-masing.

Keenam, kami mengadakan evaluasi dengan menanyakan beberapa buah soalan daripada pelajaran tersebut. Soalan itu kami kemukakan secara langsung dan kami meminta beberapa orang pelajar untuk menjawabnya.

Ketujuh, sebagai penutup kami memberikan nasihat-nasihat kepada pelajar kami secara singkat dan akhirnya kami akhiri proses pembelajaran itu dengan bacaan *al-hamdulillah* dan doa.²⁹

Data yang diperolehi daripada hasil temubual antara penulis dengan beberapa guru di atas menunjukan bagaimana proses pembelajaran berlangsung di dalam kelas. Penulis meminta beberapa orang guru daripada beberapa Madrasah Aliyah Negeri yang berasingan untuk menjawab soalan-soalan yang sama. Hasilnya menunjukan bahawa setiap guru memberikan jawapan yang tidak jauh berbeza, walaupun mereka mengajar di Madrasah Aliyah Negeri yang berasingan. Ini terjadi kerana mereka mempunyai panduan mengajar yang sama yang dikeluarkan oleh Kementerian Agama Republik Indonesia.

3. Pelajaran Fiqh

Fiqh menurut bahasa ialah mengetahui sesuatu secara mendalam.³⁰ Menurut istilah syarak, fiqh merupakan pengetahuan tentang hukum-hukum syariat Islam tentang perbuatan manusia, yang diambil daripada dalil-dalilnya yang jelas.³¹ Para ulama memutuskan bahawa dalil-dalil yang dijadikan hukum berkaitan dengan perbuatan manusia berasaskan kepada empat sumber, iaitu : al-Qur'an, al-Hadith, al-Ijma dan al-Qiyas.³² Kerana merupakan ilmu garapan

²⁹Ibid.

³⁰Mahmud Yunus, Op.cit., h. 321

³¹Abdul Wahhab Khallaf, Op.cit., h. 2

³²Ibid.

manusia (*al-muktasab*), maka peranan akal dalam mengambil kesimpulan hukum dalam fiqh ini sangat berpengaruh. Walaupun demikian ianya mesti sentiasa sesuai dengan semangat al-Qur'an dan al-Hadith.

Pelajaran Fiqh di Madrasah Aliyah Negeri merangkumi pembahasan tentang ibadah dan muamalah dalam erti yang luas. Untuk mengajarkan kedua-dua pelajaran tersebut, guru fiqh mempunyai strategi yang tidak jauh berbeza. Perbezaannya, terletak pada penekanannya. Kalau pelajaran ibadah lebih pada aspek psikomotorik dan afektif, sementara fiqh muamalah pada aspek kognitif dan afektif. Walau bagaimanapun kedua pelajaran tersebut tetap menuju pada pengembangan pelajar daripada segi kognitif, afektif dan psikomotorik.

Untuk mengajarkan pelajaran ibadah perlu disedari bahawa ibadah pada diri seseorang memerlukan kebiasaan. Orang yang telah biasa melaksanakan suatu ibadah, seperti solat wajib, solat sunat, puasa, zakat dan ibadah yang lainnya akan merasa ringan melakukan ibadah itu dan tentu tidak mengalami sebarang kesulitan yang begitu berat ketika melaksanakannya.

Menurut Yusuf Tayar, ada beberapa prinsip yang harus dilakukan dalam menyampaikan pelajaran ibadah, iaitu :

- a. Ajarkan secara praktis dan latihan-latihan pembiasaan serta ketauladan.
- b. Penjelasan diberikan oleh guru sendiri dan mestilah guru mempraktekan cara beribadah di depan para pelajarnya.

- c. Terangkan tujuan dan pengertian ibadah tersebut serta hikmah dan balasan yang akan diberikan Allah kepada hamba yang melakukan serta azab untuk yang meninggalkannya.³³

Mengajar mata pelajaran ibadah di beberapa Madrasah Aliyah Negeri telahpun berjalan dengan baik. Ini terjadi tidak sahaja dipengaruhi oleh kemampuan guru dalam menyampaikan pelajaran tersebut dengan baik tetapi juga pelajarnya telah mempunyai asas keagamaan yang baik. Ramai pelajar Madrasah Aliyah Negeri di Jawa Barat ini lepasan daripada Madrasah Thanawiah (suatu sekolah menengah tingkatan 1 – 3 yang tidak sahaja mengajar ilmu-ilmu umum tetapi juga ilmu-ilmu keagamaan).

Ketika penulis mengenukakan soalan tentang metode yang digunakan dalam mengajarkan ibadah, guru menjawab: kami selalunya menggunakan metode peragaan (*Audio Visual method*), latihan-latihan praktikal (*drill method*), tanya jawab dan ceramah.³⁴

Daripada beberapa guru pelajaran fiqh di lima Madrasah Aliyah Negeri di Jawa Barat yang ditemubual, dapatlah penulis menghuraikannya di sini langkah-langkah yang dilakukan di dalam kelas. Penulis mengambil sampel Langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Encik Amir Syarifudin ketika beliau masuk ke kelas untuk menyampaikan pelajaran ibadah, iaitu:³⁵

³³Tayar Yusuf (1993), *Imu Praktek Mengajar*. Bandung: al-ma'arif, h. 81

³⁴Hasil temubual dengan Encik Amir Syarifudin pada 20 Januari 2001. Beliau ialah guru Madrasah Aliyah Negeri Garut.

³⁵Ibid.

Pertama : Memulai dengan membaca *bismillah* dan doa. Ianya penting agar para pelajar dapat memusatkan perhatian dan pikiran dalam mengingat Allah s.w.t. sehingga insya Allah dapat memperolehi reda dan hidayahNya.

Kedua : Membentangkan pelajaran yang akan dipelajari dan mencuba bertanya beberapa soalan yang berhubungan dengan pelajaran ibadah untuk mengetahui sejauhmana pengetahuan awal mereka (pelajar) tentang pelajaran yang akan dipelajari.

Ketiga : Kalau misalnya pelajarannya berupa solat, haji, cara-cara berwuduk dan sebagainya; maka kami langsung mempamerkan di depan pelajar cara-cara melakukannya. Secara bersamaan kami juga menjelaskan dan memberi keterangan-keterangan benda-benda yang perlu dibuat secara tertib dan doa-doa yang perlu dibaca. Kami juga menerangkan tentang pahala yang akan diperolehi oleh orang yang melaksanakannya serta azab kepada yang meninggalkannya.

Kelima : Kami menyuruh beberapa pelajar untuk melakukan latihan beribadah serta bacaan yang telah dipelajari.

Keempat : Selepas itu kami mengemukakan ayat-ayat al-Qur'an mahupun al-Hadith yang berhubungkait dengan pelajaran yang sedang dipelajari. Kami menulisnya di papan tulis kemudian membacanya serta menjelaskan maksud serta kandungan ayatnya. Selepas itu kami menyuruh beberapa orang pelajar untuk membaca dan menjelaskan maksudnya.

Kelima : Mengadakan evaluasi tentang pelajaran tersebut. Kami memastikan setiap pelajar mendapat giliran untuk menjawab secara langsung beberapa soalan. Kami selalu melakukan ini untuk mengetahui sejauhmanakah hasil yang dicapai. Kalau kenyataannya belum tercapai seperti tujuan yang telah ditetapkan maka pelajaran tersebut akan diulang kembali.

Keenam : Di akhir kegiatan pembelajaran, kami memberikan nasihat-nasihat singkat agar pelajar mengamalkannya dalam kehidupan sehari-hari. Sebagai penutup kami selalu berdoa bersama pelajar kepada Allah s.w.t. agar mendapat hidayah dan petunjukNya.

*

Proses pembelajaran seperti di atas telah menggambarkan bahawa sasaran atau tujuan yang hendak dicapai bukan pada aspek kognitif sahaja, tetapi juga aspek afektif dan psikomotor. Mendiskusikan serta menjelaskan tentang kandungan pelajaran yang dipelajari merupakan usaha memberikan pemahaman pengetahuan kepada pelajar (kognitif), memberikan kesempatan agar pelajar terampil melakukan ibadah secara praktikal (psikomotor), serta memberi nasihat agar mereka menerima dan menyedari kewajipan yang mesti dilakukan setelah mereka mengetahui hukum dan cara melakukan ibadah merupakan pembinaan aspek afektif.

Kesungguhan para guru fiqh daiam mengajarkan pelajaran terlihat dalam kelas. Mereka selalu memberikan tugas (*home work*) kepada pelajarnya untuk dibuat di rumah masing-masing. Ketika penulis bertanya kepada guru tentang masalah ini, beliau menjawab: perkara ini kami lakukan agar pelajar kami selalu mengkaji pelajaran dan mempunyai kesedaran bahawa mengkaji pelajaran merupakan tanggungjawabnya yang perlu dilakukan secara berterusan.³⁶

Untuk pelajaran muamalah, penulis mendapati informasi bahawa proses pembelajarannya lebih banyak dilakukan dengan cara ceramah dan diskusi. Ketika

³⁶Ibid.

penulis bertanya kepada guru tentang pengetahuan asas pelajar dalam pelajaran ini, Beliau menjawab : Ramai daripada pelajar kami yang belum mengetahui tentang kandungan pelajaran ini, oleh itu kami lebih banyak memberikan *input* pengetahuan kepada mereka.³⁷

3

Langkah-langkah yang dilakukan dalam proses pembelajaran muamalah ini tidak jauh berbeza dengan langkah-langkah mengajar pelajaran ibadah, hanya muamalah lebih ditekankan lagi pada aspek kognitif dan afektif.

Daripada keseluruhan Madrasah Aliyah Negeri yang dijadikan sampel penyelidikan, penulis tidak melihat perbezaan yang ketara dalam menyampaikan mata pelajaran agama Islam. Ketika penulis mencuba mempersoalkannya, guru pelajaran agama Islam menjawab: Kami mempunyai panduan pengajaran yang sama, iaitu panduan yang dikeluarkan oleh kementerian Agama Republik Indonesia.³⁸

Kesungguhan guru dalam menyampaikan pelajaran Agama Islam dalam kelas dianggap telah cukup memadai. Namun, satu perkara yang perlu diambil perhatian ialah jumlah pelajar dalam satu kelas terlalu ramai, iaitu berjumlah 45-55 orang (khususnya di Madrasah Aliyah Negeri Cipasung dan Madrasah Aliyah Negeri I Garut). Jumlah pelajar dalam satu kelas seperti di atas memerlukan perhatian yang lebih serius lagi daripada guru, namun kemampuan gurupun sangat terhad, sehingga proses pembelajaran kurang efektif. Walaupun demikian

³⁷Ibid.

³⁸Ibid.

proses pembelajaran tetap masih boleh berjalan. Bahkan penulis melihat usaha yang gigih dan tidak kenal lelah, bukan hanya pada guru sahaja tetapi juga pelajarnya.

Untuk mendapatkan data atau informasi tentang proses pembelajaran yang telah lalu, penulis mencuba melakukan temubual dengan guru besar serta meminta kerjasama daripada kakitangan sekolah untuk mencari dokumen-dokumen lama tentang kegiatan pembelajaran di dalam kelas sejak madrasah itu ditubuhkan. Penulis mendapat keterangan bahawa kegiatan pembelajaran dalam menyampaikan mata pelajaran Pendidikan Agama Islam di atas tidak jauh berbeza dengan hasil temubual antara penulis dengan guru-guru pelajaran Agama Islam di atas.

Dalam proses pembelajaran, khususnya mata pelajaran Agama Islam di dalam kelas di beberapa Madrasah Aliyah Negeri ini, penulis melihat ada usaha yang sungguh-sungguh yang dilakukan guru agar pelajarnya sentiasa ingat, menyedari serta mengamalkan ajaran agama Islam sebagai wujud pengabdianya kepada Allah s.w.t. Usaha ini merupakan proses mendekatkan dan memupuk semangat beragama yang telah dimiliki oleh pelajar sejak lahir. Semangat beragama dalam bentuk potensi tauhid yang telah dianugerahkan Allah s.w.t kepada hamba-Nya sebagai fitrah pembawaan.

Kedudukan guru di sini berbeza dengan seorang petani cili. Tugasnya petani cili hanya menanam, memupuk, menyiram, dan memelihara tanaman daripada segala penyakit. Seorang petani cili tidak perlu berusaha agar cili yang

dia tanam berbuah cili dan rasanya pedas, sebab cili tidak akan berbuah durian, pasti dia berbuah cili yang rasanya pedas walaupun setiap hari disiram air garam. Manusia telah memiliki fitrah untuk beragama tauhid sejak di alam arwah, namun peranan guru, orang tua dan lingkungan sangat mempengaruhi tingkat keagamaannya. Bahkan kalau seorang anak itu dididik dan dibesarkan dalam lingkungan Yahudi maka Yahudilah dia.

Usaha-usaha yang dilakukan oleh guru secara berterusan di bilik darjah, khususnya oleh guru pendidikan Agama Islam di Madrasah Aliyah sangat besar pengaruhnya dalam mengarahkan dan membimbing para pelajarnya agar sentiasa menyedari dan mengamalkan ajaran agama Islam.

C. Kesesuaian Lingkungan Madrasah *Islamiyyah*

Pengubahsuaian situasi fizikal madrasah sangat penting dalam rangka mengembangkan rasa keberagamaan pelajarnya. Pengubahsuaian lingkungan fizikal madrasah ini berupa mengemas ruangan, tulisan-tulisan yang berupa ajakan dan nasihat, mengemas letak bangunan madrasah dan papan kenyataan.

Untuk memberikan gambaran tentang keadaan lingkungan fizikal madrasah, penulis telahpun memperolehi data dengan cara observasi secara langsung di lima Madrasah Aliyah Negeri yang ada di Jawa Barat.

Sebagai madrasah milik kerajaan, Madrasah Aliyah Negeri ini mempunyai penyusunan lingkungan madrasah yang tidak banyak berbeza antara satu madrasah dengan madrasah lainnya. Sepanjang yang diketahui penulis selama kajian dijalankan, disetiap sudut bangunan nampak banyak tulisan yang berisikan ajakan dan pesanan agar sentiasa hidup berdisiplin, rajin belajar, dan menghormati waktu.

Disetiap pintu masuk, tertulis "*Iā tadkhul ū qobla al-salām*" (janganlah kamu sekalian masuk sebelum mengucapkan salam). Pesanan ini ditulis dengan kaligrafi yang cantik dan memiliki nilai estetika sehingga dapat membantu dalam menanamkan semangat keagamaan.

Dengan mengemas situasi fizikal tersebut menunjukan bahawa Madrasah Aliyah Negeri telah melakukan usaha agar pelajarnya mampu menghayati

keadaan di sekitarnya sehingga mereka boleh mengembangkan jiwa ketuhanan yang ada dalam dirinya.

Ketika penulis meminta penjelasan tentang pentingnya mengemas lingkungan madrasah ini, guru besar Madrasah Aliyah Negeri Cipasung menjawab : *Penyusunan lingkungan madrasah yang sesuai dengan tuntunan Islam sangat mempengaruhi jiwa pelajar yang belajar di sini. Oleh itu kami sangat mengambil berat masalah ini. Kami sengaja menempatkan ajakan dan saranan pendek (nasihat) disetiap sudut supaya pelajar kami membacanya dan kemudian mengamalkannya dalam kehidupan sehari-hari.*¹⁴

Persekutaran madrasah secara keseluruhannya mempunyai pengaruh yang besar dalam menanamkan nilai keagamaan kepada pelajarnya. Peranan guru besar dan guru pada umumnya mempunyai tugas yang sangat penting dalam menciptakan budaya madrasah yang positif. Budaya madrasah yang positif akan mendorong terciptanya kebersihan, ketenangan dan keindahan fizikal maupun mental.

D. Pengurusan Masjid Madrasah

Perkataan masjid berasal dari padanya bahasa Arab. Ianya berasal daripada *Fi`il madi : sajada* erti sujud. Perkataan masjid merupakan bentuk *isim makan* yang menunjukkan erti nama tempat untuk sujud.¹⁵ Bangunan masjid biasanya-

¹⁴Hasil temubual dengan Encik Harun Rasyid Djaja pada 26 Januari 2001.

¹⁵Abd. Bin Nuh & Oemar Bakri (1974), *Kamus Arab Indonesia*. C.4, Bandung : Angkasa, h. 130.

berbentuk segi empat yang dapat menampung saf-saf yang diatur daripada baris paling hadapan sampai belakang. Dinding depan yang menghadap imam disebut *mihrāb*. Pada *mihrāb* ini ada mimbar tempat imam sembahyang dan khatib berkutbah.

4

Di samping sebagai tempat sembahyang, masjid juga memiliki fungsi-fungsi lain. Di dalam masjid, jama'ah bermusyawarah, diskusi sama ada formal maupun tidak formal dan kegiatan-kegiatan positif lainnya.

Pada zaman dahulu masjid digunakan sebagai tempat merumuskan strategi perang bahkan halaman masjid juga dijadikan tempat pelepasan pasukan tentera untuk berperang.¹⁶ Ini dimaksudkan untuk menanamkan keyakinan kepada para tentera agar menyerahkan dirinya sepenuhnya kepada kehendak Allah s.w.t., maksudnya bahawa perang yang dilakukan hanya kerana ingin mendapatkan keredaan Allah s.w.t semata-mata. Dengan tekad ini maka akan melahirkan jiwa yang berani serta mengutamakan prinsip-prinsip kemanusian.

Seperti fungsi masjid di tempat lainnya, keberadaan masjid di Madrasah Aliyah Negeri memainkan peranan yang sangat baik. Ianya tidak hanya sekadar digunakan untuk sembahyang sahaja tetapi juga digunakan untuk kegiatan-kegiatan pelajar.

¹⁶Zaini Muchtarom (1987), *Islam Untuk Disiplin Ilmu Pendidikan*. Jakarta: Bulan Bintang, h.

Untuk membahas masalah ini, penulis akan menghuraikannya secara terpisah antara satu madrasah dengan madrasah yang lainnya, iaitu :

1. Masjid Sebagai Tempat ibadah ritual

a. Madrasah Aliyah Negeri II Bandung

Dengan luas bangunan 80 M^2 , masjid yang diberi nama Masjid MAN II Bandung terletak pada sudut paling barat madrasah. Masjid ini dirasmikan penggunaanya pada tahun 1995.¹⁷ Sejak awal dirasmikannya masjid ini selalu digunakan tempat sembahyang. Yang sering hadir ke masjid ini tidak hanya para pelajar tetapi juga guru besar, para guru serta seluruh kaki tangan madrasah. Pihak pengelola madrasah selalu memberikan ketegasan bahawa selama berada di lingkungan madrasah mereka dianjurkan untuk melaksanakan sembahyang secara berjamaah di masjid madrasah.¹⁸

b. Madrasah Aliyah Negeri Cibatu

Pembinaan masjid Madrasah Aliyah Negeri Cibatu baru siap pada tahun 2000 dan penggunaannya sebagai tempat ibadah dan pusat kegiatan pelajar dirasmikan pada tahun yang sama. Masjid ini mempunyai luas 70 M^2 dengan daya tampung jama'ah lebih kurang 200 orang.¹⁹ Ketika waktu sembahyang tiba, khususnya sembahyang Zuhur dan Asar, di masjid ini nampak penuh dengan pelajar dan kakitangan madrasah yang sedang melakukan sembahyang. Kesempatan ini mereka gunakan juga

¹⁷ Madrasah Aliyah Negeri II Bandung, Op.cit, h. 9

¹⁸ Hasil perhatian penulis selama berada dilokasi kajian.

¹⁹ Madrasah Aliyah Negeri Cibatu, Op.cit, h. 13

untuk silaturahim sama ada sesama pelajar mahupun antara pelajar dengan kaki tangan madrasah.²⁰

c. Madrasah Aliyah Negeri I Sumedang

Di sebelah kanan bilik belajar, di situ berdiri sebuah masjid yang diberi nama masjid at-Taqwa. Dengan luas bangunan 80 ketika waktu sembahyang tiba, para siswa dan guru bersama pergi kemasjid.²¹

Bagi Pelajar dan kaki tangan Madrasah Aliyah Negeri I Sumedang, keberadaan masjid di lingkungan madrasah cukup membantu dalam usaha mendekatkan dirinya dengan Allah s.w.t. Mereka melakukan sembahyang (paling tidak Zuhur dan Asar) secara berjamaah. Pelajar yang tidak melakukan sembahyang secara berjamaah, guru akan memanggil mereka bahkan kalau masih berdegil akan diberi sangsi (hukuman) yang bersifat mendidik.²²

d. Madrasah Aliyah Negeri Cipasung

Masjid Cipasung dibina lebih dahulu daripada Madrasah Aliyah Negeri Cipasung. Madrasah ini awalnya merupakan yayasan pendidikan swasta kemudian pada tahun 1978 mendapat pengiktirafan kerajaan Indonesia.²³ Kehadiran para siswa lebih sering nampak di masjid, tidak

²⁰Hasil pemerhatian penulis selama dilokasi kajian.

²¹Madrasah Aliyah Negeri Sumedang, Op.cit. h .7

²²Hasil temu bual dengan Encik Syahrudin Alisyahbana pada 23 januari 2001. Beliau adalah guru Besar MAN Sumedang.

²³Hasil temu bual dengan Encik Harun Rasyid Djaja pada 26 januari 2001. Beliau adalah guru besar MAN Cipasung.

sahaja pada siang hari bahkan malampun mereka datang ke masjid untuk menghadiri acara pengajian keislaman.²⁴

e. Madrasah Aliyah Negeri Garut

Tepat berada di samping padang untuk upacara, di situ berdiri sebuah masjid kecil tetapi nampak cantik. Masjid itu dinamakan masjid Madrasah Aliyah Negeri I Garut. Masjid dengan luas 89 m² itu dapat menampung sekitar 250 jama'ah dalam satu masa.²⁵

Bagi pelajar Madrasah Aliyah Negeri I Garut keberadaan masjid di lingkungan sekolahnya sangat bepengaruh terhadap pola tingkah lakunya. Mereka bukan hanya terbawa dengan kebiasaan madrasah untuk sembahyang secara formal tetapi mereka sering juga mereka ke masjid dapat mendekatkan lagi hati mereka terhadap nilai-nilai *īlāhiyyah* yang telah dimilikinya.²⁶

2. Masjid Sebagai Pusat Kegiatan Pelajar

a. Madrasah Aliyah Negeri II Bandung

Nampaknya para pelajar MAN II Bandung ini tidak segan-segan lagi menjadikan masjid itu sebagai pusat kegiatan. Bukan sahaja kegiatan keagamaan tetapi juga kegiatan belajar secara umumnya. Pada waktu rehat, masjid ini sering digunakan oleh para pelajar untuk mengkaji pelajarannya, berdiskusi, atau paling tidak mereka menjadikan masjid ini sebagai tempat silaturahmi dengan kawan-kawannya yang berbeza kelas.

²⁴Ibid.

²⁵Hasil temubual dengan Encik Khalil pada 20 januari 2001. Beliau adalah guru besar MAN I Garut.

²⁶Ibid.

Ketika Penulis melakukan temubual dengan guru mata pelajaran Agama Islam dan mengajukan soalan tentang langkah-langkah yang ditempuh dalam mendidik keagamaan pelajar di luar kelas, guru menjawab : *Pada hari juma`at kami mengadakan sembahyang juma`at secara berjamādah, kesempatan itu kami gunakan untuk memberikan nasihat, saran serta ajakan-ajakan untuk sentiasa bertakwa kepada Allah s.w.t. Selain itu di madrasah ini kami selalu mengadakan peringatan maulidul rasul, ma`al hijrah dan yang lainnya dan kegiatan-kegiatan itu kami laksanakan di masjid.*¹⁷

Dengan demikian masjid di Madrasah ini telahpun digunakan oleh seluruh pelajar dan kakitangan sekolah untuk melakukan pelbagai kegiatan yang positif.

b. Madrasah Aliyah Negeri Cibatu

Bagi pelajar Madrasah Aliyah Negeri Cibatu, masjid yang ada di lingkungan madrasahnya tidak hanya sekedar dijadikan sebagai tempat solat sahaja tetapi juga dijadikan sebagai tempat untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti sekolah secara umumnya. Antaranya pengajian bulanan, membaca al-Qur`ān secara bergiliran ketika sedang rehat dan berdiskusi. Masjid ini juga sering yang dijadikan tempat untuk mengadakan perayaan maulidur rasul, ma`al hijrah serta kegiatan keagamaan lainnya.

¹⁷Tatan Jamaludin ialah guru Madrasah Aliyah Negeri II Bandung. Temubual ini dilakukan pada 15 januari 2001.

Ketika penulis menemubual dengan guru besar tentang langkah-langkah yang dilakukan sekolah dalam rangka mendidik keberagamaan pelajar, guru besar menjawab : *Kami mencoba memfungsikan masjid seperti pada zaman rasulullah s.a.w. di masjid kami sembahyang, di masjid kami bermusyawarah dan di masjid pula kami mengadakan pendidikan mental dan rohani pelajar. Oleh itu, kami selalu menggunakan masjid sebagai tempat untuk mengadakan peristiwa-peristiwa penting di madrasah.*¹⁸

c. Madrasah Aliyah Negeri I Sumedang

Selain sebagai tempat beribadah secara khusus (sembahyang), masjid ini pula dijadikan sebagai tempat melaksanakan berbagai-bagai kegiatan pelajar. Kegiatan yang sering dilaksanakan di masjid at-Taqwa ini ialah pengajian mingguan, pengajian bulanan, diskusi antar sesama pelajar serta kegiatan sambutan hari-hari besar Islam, seperti maulidul Rasul, ma'al hijrah, *nuzul al-Qur'an* dan lain-lain.

Ketika penulis bertanya kepada guru besar madrasah ini tentang langkah-langkah yang dilakukan dalam mengembangkan fitrah beragama, beliau menjawab : *Kami selalu mengajak para pelajar untuk memfungsikan masjid seperti yang dikehendaki oleh ajaran agama. Dan hasilnya alhamdulillah para pelajar kami sentiasa menjadikan masjid sebagai pusat kegiatannya.*¹⁹

¹⁸Hasil temubual dengan Encik Jojo pada 27 Januari 2001. Encik Jojo ialah Guru Besar Madrasah Aliyah Negeri Cibatu.

¹⁹Hasil temubual dengan Encik Syahrudin Alisyahbana pada 23 Januari 2001. Beliau ialah guru besar Madrasah Aliyah Negeri II Sumedang.

Sejauh yang dapat diteliti oleh penulis, para pelajar di madrasah ini selalu datang ke masjid untuk melaksanakan solat. Paling tidak pada waktu sembahyang Zohor dan Asar.

d. Madrasah Aliyah Negeri Cipasung

Di masjid Cipasung ini nampaknya tidak pernah sepi daripada kegiatan pelajar-pelajar yang ada di lingkungan Yayasan Pendidikan Cipasung. Kegiatan-kegiatan yang sering diadakan ialah kajian keislaman, pengajian mingguan dan bulanan. Oleh sebab yayasan ini merupakan jenis pondok, maka cara pengajaran dan pendidikannya pun bergaya pondok. Secara kebetulan sebahagian besar para pelajar dalam pondok tersebut ialah juga pelajar Madrasah Aliyah Negeri Cipasung.

Guru besar madrasah ini memberikan komen kepada penulis ketika temubual tentang fungsi masjid di Madrasah Aliyah Negeri Cipasung, mereka mengatakan : *Kami selalu memberikan dorongan kepada pelajar kami agar selalu memfungsikan masjid, bukan sahaja sebagai tempat sembahyang tetapi juga aktiviti-aktiviti lainnya yang dapat membentuk pelajar menjadi individu yang berkeperibadian luhur.*²⁰

Penulis melihat tanggung jawab yang diperankan oleh guru dan guru besar di Madrasah ini cukup menggembirakan. Apalagi ketika guru dan seluruh kakitangan sekolah memberikan tauladan kepada para pelajarnya untuk

²⁰Hasil temuabual dengan Encik Harun Rasyid Djaja pada 26 Januari 2001. Beliau ialah Guru Besar Madrasah Aliyah Negeri Cipasung.

memfungsikan masjid sebagaimana sepatutnya. Lebih-lebih di Madrasah Aliyah Negeri Cipasung ini tradisi pondok sangat menonjol dengan sejumlah kegiatan pendalaman keilmuan Islam dan kegiatan keagamaan lainnya.

e. Madrasah Aliyah Negeri I Garut

Seperti masjid di tempat lainnya, keberadaan masjid di Madrasah Aliyah Negeri I Garut sangat membantu dalam meningkatkan kualiti keimanan dan ketakwaan para jamaahnya. Di samping digunakan sebagai tempat solat, zikir dan membaca al-Qur'an, di masjid ini pula pelajar Madrasah Aliyah Negeri I Garut melakukan aktiviti-aktiviti madrasah dan keagamaan. Aktiviti yang diselenggarakan di masjid ini tidak hanya aktiviti yang formal madrasah sahaja seperti peringatan maulidur rasul, ma'al hijrah, dan peringatan yang lainnya tetapi juga untuk aktiviti yang tidak formal, seperti diskusi kecil sesama pelajar.

Berdasarkan hasil temubual dengan guru dan guru besar, penulis memperolehi keterangan bahawa pihak madrasah sendiri menganjurkan pelajarnya untuk mengimarahkannya dan memberikan kebebasan seluas-luasnya kepada pelajar untuk melaksanakan kegiatan positif sama ada yang ada hubungannya secara langsung dengan madrasah maupun kegiatan yang bersifat sosial kemasyarakatan.

Titik persamaan yang dapat ditemukan bahawa kelima-lima Madrasah Aliyah Negeri Jawa Barat yang dijadikan sampel dalam kajian ini telah

menempatkan masjid sebagai prasarana untuk mendidik potensi beragama Islam yang telah dimiliki oleh pelajar. Dengan berbagai-bagai kegiatan yang diselenggarakan di masjid, sama ada yang berhubungkait dengan ibadah *mahdoh* mahupun ibadah secara umumnya, membuktikan bahawa pihak madrasah telahpun melakukan tugas sebagai institusi perdidikan Islam yang sentiasa berusaha sedaya upaya untuk mendekatkan para pelajarnya dengan masjid.

Kedekatan pelajar terhadap masjid dengan melakukan pelbagai kegiatan keilmuan mahupun kegiatan lainnya telah mendorong pelajar untuk lebih memahami keberadaan dan fungsi hidupnya di dunia ini. Para pelajar telahpun menganggap bahawa mengimarahkan masjid merupakan salah satu tugas kehambaan yang perlu ditunaikan.

Mengimarahkan masjid pula merupakan usaha yang perlu dilakukan dalam membina iman yang ada dalam diri pelajar. Masjid memegang peranan penting sebagai prasarana untuk membinanya. Keimanau seorang hamba kadang-kadang naik dan kadang-kadang juga turun. Oleh itu untuk mewujudkan iman yang mantap, diperlukan pembinaan secara sungguh-sungguh dan berterusan.

Dengan memfungsikan masjid sebagai pusat kegiatan seperti itu akan mampu menyedarkan pelajar terhadap fitrah beragama yang dimilikinya. Kesedaran ini dapat terlihat dengan semakin meningkatnya pengamalan ajaran agama yang merupakan bukti daripada keimanan yang tertanam di dadanya.

E. Pendekatan Keagamaan Dalam Membentuk Personaliti Pelajar.

1. Penerapan Disiplin Dalam Beribadah

Disiplin merupakan latihan yang dijangka dapat melahirkan karakter yang khusus atau pola tingkah laku. Disiplin juga dapat mengawal tingkah laku. Ianya dihasilkan daripada latihan yang sistematik sehingga terbentuk kepatuhan dan ketataan dalam beramal.²¹ Dalam dunia pendidikan, salah satu prinsip daripada matlamatnya ialah mendidik sikap pelajar yang disiplin.²² Menanamkan disiplin melalui latihan dan kebiasaan merupakan langkah yang tepat dalam membina sikap para pelajar di madrasah.

Daripada paparan di atas bolehlah difahami bahawa disiplin bererti kesanggupan setiap individu menerima, memahami, mengamal dan menghornati peraturan-peraturan yang menjadi sistem yang diterapkan dalam suatu kelompok atau kumpulan tertentu.

Dalam kontek pembahasan ini perkataan disiplin dihubungkan dengan praktikal beribadah sehari-hari, contohnya sembahyang. Dengan demikian disiplin dalam ibadah ialah kesedaran dan kesanggupan seorang individu dalam melaksanakan beribadah sesuai dengan waktu yang telah ditentukan. Kesedaran

²¹Harold E. Mitzel (1982), *Encyclopedia Of Educational Research*. c. 5, London: Ciller Maemillan Publisher, p. 447

²²William W. Wayson et.al. (1982), *Handbook For Developing School With Good Discipline*. c. i, Indiana: Phi Delta Kappa Bloomington, h. 1

itu dihasilkan melalui proses latihan dan kebiasaan serta pembinaan mental terhadap pentingnya melakukan ibadah dengan hati yang ikhlas.

Penerapan disiplin dalam beribadah, khususnya solat yang lima waktu telah mendapat perhatian yang cukup besar daripada pihak pengelola madrasah Aliyah Negeri di Jawa Barat. Untuk mengetahui sejahteranakah usaha-usaha pihak sekolah dalam menerapkan kedisiplinan dalam solat ini, penulis akan menghuraikannya pada bahagian berikut ini :

a. Madrasah Aliyah Negeri II Bandung

Kedisiplinan dalam melaksanakan solat sudah penulis rasakan ketika penulis pertama kali datang ke madrasah ini. Pada waktu sembahyang Zuhur dan Asar tiba, seluruh guru, guru besar dan seluruh kakitangan sekolah yang ada di lingkungan madrasah melaksanakan sembahyang secara berjamaah. Selepas sembahyang diadakan kuliah dalam beberapa minit untuk menyampaikan nasihat-nasihat keagamaan kepada para jamaah yang ada di masjid.

.....

Ketika penulis mencuba mendapatkan informasi tentang masaiahan ini, guru mata pelajaran Agama Islam menjawab : ...*Sebagai guru kami selalu mengajak seluruh warga madrasah untuk melaksanakan sembahyang secara berjamaah. Kami juga terlibat secara langsung dalam jamaah tersebut. Perkara ini kami lakukan bukan hanya kami menjalankan tugas kami untuk melaksanakan kewajipan kami sahaja tetapi juga kami memberikan tauladan kepada para pelajar.*²³

²³Hasil temubual dengan Encik Suherman pada 15 Januari 2001. Beliau ialah guru di Madrasah Aliyah Negeri II Bandung.

Ketika ditanya tentang atau hukuman kepada mereka yang tidak melaksanakan sembahyang secara berjamaah, guru menjawab : ... *sangsi yang berupa hukuman tidak ada, hanya kami selalu mengingatkan kepada pelajar tentang pentingnya sembahyang berjamaah.*²⁴

3

Oleh sebab tidak adanya hukuman bagi mereka yang tidak melaksanakan solat secara berjamaah, tidak hairanlah ada sesetengah pelajar yang pergi ke kantin padahal suara azan telah dikumandangkan. Namun secara umumnya nampak di dalam masjid saf-saf yang dipenuhi oleh para pelajar. Bagi pelajar sutri pula, disediakan tempat di dalam masjid dengan ruangan khas untuk putri yang dipisahkan dengan dinding (*hijab*) dengan tempat sembahyang lelaki.

Kesedaran para pelajar Madrasah Aliyah Negeri II dalam melaksanakan solat secara berjamaah tidak terlepas daripada peranan yang dimainkan oleh pihak madrasah dalam mengarahkan para pelajarnya. Keadaan ini menunjukan ada usaha yang serius yang dilakukan oleh pihak madrasah untuk lebih menyedarkan pelajar terhadap kewajipan yang perlu dipenuhinya terhadap Yang Maha Pencipta.

b. Madrasah Aliyah Negeri Cibatu

Di Madrasah ini, berdisiplin dalam melaksanakan solat berjamaah telah menjadi amalan para pelajar, guru dan seluruh kaki tangan madrasah, khususnya pada waktu mereka berada di madrasah.

²⁴Ibid

Berdasarkan pengamatan penulis pada masa Zuhur dan Asar para pelajar pergi bersama-sama ke masjid madrasah untuk melaksanakan sembahyang secara berjamaah. Kehadiran para pelajar ke masjid untuk melaksanakan solat ini nampaknya muncul daripada kesedaran mereka sendiri. Mereka sedar bahawa walaupun pihak madrasah menerapkan peraturan agar para pelajar yang berada di madrasah mesti melaksanakan sembahyang di sekolah, namun kehadiran mereka ke masjid menunjukkan ketaatannya terhadap peraturan madrasah juga merupakan panggilan *Ilāhi* yang tertanam pada diri mereka untuk melaksanakan rukun Islam kedua.

Penulis mencuba mendapatkan penjelasan guru tentang penerapan kedisiplinan dalam solat ini; guru menerangkan : ... *ialah merupakan komitmen kami untuk sentiasa mengajak pelajar ke jalan yang direrai Allah.. kami selalu mengajak kepada para pelajar untuk sentiasa mengambil berat tentang solat. Kami jelaskan kepada mereka bahawa solat itu merupakan tiang agama. Kalau kita melaksanakannya bererti kita telah membangun agama tetapi ketika kita tidak melaksanakannya kita merosak bangunan agama kita.*²⁵

Kesungguhan seluruh guru dan kaki tangan madrasah dalam menerapkan disiplin dalam melaksanakan solat kepada pelajarnya mampu menciptakan suasana madrasah yang harmoni serta membentuk *ukhuwah Islamiah* yang mantap di kalangan warga madrasah.

²⁵Hasil temubual dengan Encik MU Subhana pada 27 Januari 2001. Beliau ialah guru di Madrasah Aliyah Negeri Cibatu.

c. Madrasah Aliyah Negeri I Sumedang

Pada waktu mereka berada di sekolah, pelajar Madrasah Aliyah Negeri I Sumedang selalu melaksanakan solat secara berjamaah di dalam masjid sekolah. Ketika waktu sembahyang Zuhur dan Asar, masjid madrasah ini penuh oleh jema'ah yang mengimarakannya. Tidak hanya para pelajar sahaja tetapi guru besar dan guru berada di dalam masjid untuk melaksanakan solat berjamaah secara bersama-sama.

Selepas sembahyang mereka membaca wirid-wirid (doa) secara bersama yang dipimpin oleh imam. Para pelajar melakukannya dengan khusuk serta penuh rendah hati. Bahkan penulis melihat sesetengah daripada pelajar ada yang melakukan berdoa sambil menangis.

Dalam satu temubual antara penulis dengan salah satu guru Pendidikan Agama Islam tentang disiplin dalam melaksanakan sembahyang berjamaah ini, guru menyatakan : ...*ialah merupakan kewajipan kami untuk mendidik pelajar kami, sama ada secara fizikal maupun secara mental. Dalam membina mental pelajar, kami selalu menekankan kepada mereka agar melaksanakan tanggung jawabnya kepada Allah s.w.t, ... melaksanakan solat pada waktunya ialah salah satu agenda kami dalam menanamkan kedisiplinan dalam beribadah.*²⁶

²⁶Hasil temubual dengan Encik Abdurrahman Ismail pada 24 Januari 2001. Beliau ialah Guru di Madrasah Aliyah Negeri I Sumedang.

Arahan serta saranan yang sentiasa diberikan oleh guru mahupun guru besar dalam pelbagai kesempatan di Madrasah Aliyah Negeri I Sumedang ini telahpun menunjukan kesan yang positif terhadap pengembangan mental pelajar dalam memahami dan menyedari kewajipannya kepada Tuhan.

*

Kesedaran ini berpengaruh positif dalam meningkatan keimanan dan ketakwaan, sehingga panggilan agama akan sentiasa dilaksanakan oleh pelajar dalam setiap kesempatan, sama ada dalam keadaan lapang mahupun ketika sibuk dan banyak kerja.

d. Madrasah Aliyah Negeri Cipasung

Ada satu fenomena yang menarik di madrasah ini, sebahagian besar daripada pelajarnya ialah juga merupakan santri (pelajar) di Pondok Pesantren Cipasung. Tidak hairanlah kalau waktu sembahyang akan dilaksanakan, masjid yang dibina di lingkungan Yayasan Pendidikan Islam Cipasung ini sangat ramai dikunjungi pelajar. Mereka bukan sahaja pelajar Madrasah Aliyah Negeri Cipasung tetapi juga seluruh pelajar yang belajar di Yayasan ini, daripada tingkat sekolah menengah pertama (sekolah menengah tingkatan 1 hingga 3), Madrasah Aliyah Negeri sampai mahasiswa yang menuntut di Sekolah Tinggi Agama Islam (STAI) Cipasung.

Corak kehidupan pondok sangat mewarnai di madrasah ini, khususnya waktu melaksanakan solat berjemaah. Dengan pakaian model pondok mereka melakukan sembahyang tampak lebih khusuk. Sembahyang dipimpin oleh seorang imam, iaitu kiai yang sekaligus piawai dalam pondok Cipasung. Bagi

masyarakat Indonesia nama pemimpin pondok pesantren Cipasung ini cukup terkenal iaitu Kiai Haji Ilyas Rukhiyat (Aktivis *Nahdlotul Ulama*; organisasi keislaman terbesar di Indonesia).

Bagi pelajar Madrasah Aliyah Negeri Cipasung kehadiran figur seorang kiayi (ulama) terkenal itu, di samping menambah semangat dalam menjalankan solat juga mereka menjadikan figur kiayi sebagai tauladan yang sentiasa di taati dengan penuh hormat.

Keadaan ini lebih memudahkan para guru agama yang mengajar di Madrasah Aliyah Negeri Cipasung untuk menyampaikan pesanan *Illahiyyah* kepada para pelajarnya.

Ketika penulis bertanya tentang usaha yang dilakukan guru dalam menerapkan disiplin sembahyang kepada para pelajarnya, guru menjawab :
...Kami selalu memberikan nasihat kepada pelajar kami untuk melaksanakan sembahyang secara berjamaah di masjid. Kami tidak menemukan kesulitan dalam menerapkan peraturan ini kerana pelajar kami juga pelajar pondok. Kepatuhan mereka terhadap pimpinan pondok pesantren memberikan sumbangan positif terhadap kesedaran pelajar dalam melaksanakan peraturan madrasah.²⁷

Usaha yang saling berganding bahu antara pengurus yayasan Cipasung dengan para guru Madrasah Aliyah Negeri Cipasung yang bersungguh-sungguh

²⁷Hasil temubual dengan Encik Irsyadul Ubud pada 25 Januari 2001. Beliau ialah salah seorang guru di Madrasah Aliyah Negeri Cipasung.

dalam mendidik pelajar yang disiplin telah memberikan dorongan dan semangat kepada para pelajar untuk melaksanakan tanggung jawabnya terhadap Tuhan. Pelaksanaan tugas dan tanggung jawab ketuhanan ini merupakan bukti nyata bahawa pihak madrasah bersungguh-sungguh mengembangkan fitrah beragama yang dimiliki oleh pelajar.

e. Madrasah Aliyah Negeri I Garut

Ketika penulis memasuki lingkungan madrasah dan ketika itu pula sudah sampai waktu sembahyang Zuhur. Nampak di dalam masjid para pelajar guru dan seluruh kaki tangan sekolah untuk melaksanakan sembahyang Zuhur secara berjama'ah.

Kesan pertama yang tersirat di hati penulis ketika berada di madrasah ini ialah kedisiplinan dalam melaksanakan sembahyang secara berjema'ah merupakan perkara yang diambil berat oleh pihak madrasah.

.....
.....

Penulis mencuba mendapatkan keterangan daripada guru Pendidikan Agama Islam tentang sikap berdisiplin dalam melaksanakan sembahyang ini; Guru menjawab : ... *Kami selalu mengajak dan mengingatkan pelajar kami untuk melaksanakan sembahyang secara berjamaah. Kamipun sentiasa menegur kalau mendapati pelajar melakukan aktiviti yang lain pada masa waktu sembahyang tiola.*²⁸

²⁸ Hasil temubual dengan Encik Amir Syarifudin pada 20 Januari 2001. Beliau ialah salah seorang guru di Madrasah Aliyah Negeri I Garut.

Ketika ditanya tentang sangsi atau hukuman yang diberikan kepada pelajar yang berdegil untuk melakukan sembahyang ini, guru menjawab : ... *Setakat ini kami hanya memberi peringatan kepada mereka. Tapi kami melihat para pelajar kami secara umumnya telahpun memiliki rasa tanggung jawab untuk melaksanakan kewajipan ini secara ikhlas tanpa ada paksaan daripada pihak madrasah.*²⁹

Usaha untuk menyedarkan pelajar dalam melaksanakan sembahyang secara disiplin di Madrasah ini secara keseluruhannya telahpun mencapai matlamat yang dikehendaki. Namun demikian, usaha yang sungguh-sungguh masih perlu dilakukan oleh pihak madrasah secara berterusan agar lebih meningkatkan tahap kesedaran para pelajar untuk melaksanakan sembahyang pada waktu yang telah ditentukan.

2. Cara Berpakaian Menurut Ajaran Islam

Pakaian yang dipakai pelajar Madrasah Aliyah Negeri ialah pakaian seragam yang mempunyai warna yang sama, iaitu memakai baju putih dan seluar kelabu bagi pelajar lelaki. Semantara itu, bagi perempuan pula mesti memakai tudung dan berbaju kurung dengan warna yang sama dengan pakaian lelaki.

Pakaian yang dipamerkan oleh pelajar mesti sentiasa menutup aurat. Perkataan Aurat sendiri berasal daripada bahasa arab, iaitu : اُرْتَ ارتیnya sesuatu

²⁹Ibid

yang jika dilihat akan mencemarkan atau nampak auratnya³⁰; daripada kata ini maka aurat merupakan sesuatu anggota tubuh yang mesti ditutup dan dijaga sehingga tidak menimbulkan kekecewaan, malu dan hina.

Penulis dapatlah menyimpulkan bahawa aurat ialah bahagian anggota tubuh yang perlu ditutupi untuk menghindari perbuatan yang dilarang oleh ajaran agama.

Menurut Fuad M. Fahruddin ada beberapa pertimbangan mengapa aurat perlu ditutup³¹, iaitu :

- a. Manusia dalam hidup ini bertemu dengan jenis lawannya iaitu pertemuan antara lelaki dan perempuan dalam satu hubungan perkahwinan. Hubungan yang demikian ini dilaksanakan oleh manusia yang telah dewasa . Pada masa itu kedua-duanya dikaruniakan nafsu sex yang merangsang sehingga kadang-kadang kedua-duanya mengungkapkan kata-kata yang tidak disedari oleh dirinya sendiri. Oleh itu menutup aurat merupakan satu kewajipan agar manusia tidak terjerumus melakukan zina. Sehingga membuka aurat hanya dibenarkan kepada pasangan suami isteri yang sah sahaja.
- b. Manusia mendapatkan kelazatan dalam pergaikan suami isteri dengan bertemunya dua aurat yang menimbulkan nafsu berahi yang sangat dalam. Kelezatan itu diperolehi dengan melihat, meraba dan menggunakan aurat itu

³⁰Ahmad Warson Munawwir (1997), *Kamus Arab Indonesia al-Munawwir*. c. 2, Yogyakarta: Pustaka Progresif, h. 985

³¹Fuad M. Fachruddin (1984), *Aurat Dan Jilbab Dalam Pandangan Islam*. c.1, Jakarta: yayasan Al-Amin, h. 2-4

- sendiri. Kecenderungan manusia seperti ini mesti sentiasa diawasi agar tidak terjerumus ke dalam jurang kehinaaan.
- c. Pada umumnya manusia dipengaruhi oleh aurat dan ingin mendapatkannya. Manusia tetap akan berusaha mencari aurat. Manusia pula dapat dihina dan dipermainkan karena auratnya.

Dengan demikian Islam sangat mengambil berat tentang penutupan aurat. Bukan sahaja menutup kemaluan bahagian tertentu sahaja dalam tubuh tetapi juga menutup seluruh tubuh kecuali muka dan kedua-dua tapak tangan untuk perempuan dan menutup antara pusat sampai siku bagi lelaki.

Di Madrasah Aliyah Negeri Jawa Barat khususnya dan madrasah di Indonesia pada umumnya telah mewajibkan pelajar putri untuk memakai tudung dan menutup seluruh auratnya. Oleh itu pihak madrasah tidak membenarkan masuk ke dalam lingkungan madrasah bagi para pelajar yang tidak menutup auratnya.

Ketika penulis meminta informasi daripada salah seorang guru besar tentang pakaian yang menutup aurat ini, guru besar Madrasah Aliyah Negeri I Garut menjawab : ...*Kewajipan menutup aurat bagi pelajar Madrasah Aliyah Negeri ialah berdasarkan keputusan Menteri Agama Republik Indonesia ketika Madrasah Aliyah Negeri di tubuhkan*.³² Selanjutnya beliau menjelaskan : *Kewajipan memakai pakaian yang menutup aurat bagi pelajar siswi Madrasah*

³²Hasil temubual dengan Encik Holil pada 20 Januari 2001. Beliau ialah Guru besar Madrasah Aliyah Negeri I Garut.

Aliyah Negeri merupakan ciri khas yang dapat membezakan antara siswi Madrasah Aliyah Negeri dengan sekolah menengah yang lainnya.³³

Peraturan yang mewajibkan menutup aurat kepada pelajar Madrasah Aliyah Negeri ini telah menunjukkan usaha madrasah dalam mendidik pelajar untuk menerima dan mengamalkan ajaran agama Islam. Perkara ini memberi pengaruh positif terhadap pembentukan jiwa pelajar agar sentiasa mempunyai kesedaran dan rasa bertanggung jawab terhadap peraturan Allah bagi hambaNya. Dengan demikian terdidik jiwanya untuk mengamalkan ajaran agama Islam dalam kehidupan sehari-hari.

3. Pengurusan Kegiatan Ko-kurikulum Pelajar

Pada umumnya kurikulum merupakan segala aktiviti dan pengalaman pembelajaran yang dirancang dan dibimbing oleh suatu institusi pendidikan supaya mencapai tujuan tertentu. Aktiviti-aktiviti serta pengalaman dilakukan secara perseorangan atau kelompok di dalam dan di luar bilik darjah. Bagi aktiviti-aktiviti yang dilakukan di dalam bilik darjah disebut kurikulum (akademik) dan aktiviti yang dilakukan di luar bilik darjah disebut ko-kurikulum.³³

Pada umumnya tujuan program ko-kurikulum merangkumi beberapa aspek penting yang memberi peluang kepada pelajar melatih diri sendiri untuk tujuan kesihatan, berdisiplin dan membina semangat supaya dapat menghayati nilai perpaduan dan kewarganegaraan. Ianya merupakan bekal asas dalam masyarakat. Di samping itu, kegiatan ini bertujuan agar para pelajar membiasakan diri dengan amalan-amalan keagamaan yang merupakan wujud pengabdian seorang hamba kepada Tuhan.

Kegiatan ko-kurikulum yang diselenggarakan di beberapa Madrasah Aliyah Negeri Jawa Barat secara umumnya terdiri daripada Organisasi Pelajar Intra Sekolah (OSIS), Praja Muda Karana (Papmuka), Palang Merah Remaja (PMR), dan Polis Keamanan Sekolah (PKS). Pembahagian jenis itu berdasarkan kepada jenis kegiatan yang dilaksanakan oleh pelajar.

³³Faridah Karim (1991), "Peranan Ko-Kurikulum ke Arah Pembinaan Generasi Berdisiplin", dalam Rohati Mohd. Majzub et.al. (ed), *Disiplin Dalam Pendidikan*, Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, h. 187.

Secara umumnya seluruh kegiatan ko-kurikulum diuruskan oleh Organisasi Pelajar Intra Sekolah (OSIS). OSIS merupakan Organisasi utama pelajar yang menyelenggarakan kegiatan ko-kurikulum di madrasah.

Adapun kegiatan yang selalu dilaksanakan oleh organisasi ini ialah sebagai berikut :

a. Pembinaan ketakwaan kepada Tuhan Yang Maha Esa

Kegiatannya diarahkan pada pelaksanaan solat berjamaah harian, pelaksanaan peringatan hari-hari besar Islam (maulidul Rasul, isra mi'raj, dan ma'al hijrah), penyelenggaraan pertandingan keagamaan, apresiasi seni dan budaya Islam, pengajian tiap minggu dan diskusi pengkajian ajaran agama.

b. Pembinaan kehidupan berbangsa dan bernegara

Kegiatannya ialah upacara tiap hari Isnin dan hari bersejarah nasional, latihan menyanyikan lagu-lagu nasional, pelatihan upacara bendera, dan diskusi politik

c. Pendidikan bela negara

Kegiatannya merangkumi beberapa kegiatan, iaitu : Penghayatan terhadap tata tertib madrasah, diskusi hak dan tanggung jawab pelajar, penghayatan terhadap semangat para pejuang bangsa, kunjungan ke tempat-tempat yang bersejarah.

d. Pembinaan keperibadian dan budi pekerti luhur

Kegiatannya meliputi diskusi nilai-nilai luhur dan budaya, pemeliharaan etika pergaulan yang bersesuaian dengan ajaran Islam, menghimpun derma dan menyalurkannya kepada yang memerlukan bantuan, pelayanan kesihatan

madrasah, mengunjungi pelajar yang mendapat kemalangan dan memelihara sikap dan perilaku hormat kepada guru dan orang tua.

e. Pembinaan berorganisasi dan kepemimpinan

Kegiatannya ialah pelatihan (bengkel) keorganisasian dan kepemimpinan.

f. Pembinaan ketramplian dan keusahawanan.

Kegiatanya merangkumi ceramah motivasi kewirausahaan, keterampilan berkoperasi, mengalukan untuk menggemari membaca dan kunjungan ke pusat-pusat industri dan produksi.

g. Pembinaan ketangkasanaan jasmani

Pembinaannya dengan mengadakan senaman pagi, lomba sukan antar kelas, dan pelatihan team sukan khusus.

h. Pembinaan seni

Pelatihan seni tradisional dan penyelenggaraan *show* seni tradisional di madrasah.

Perlaksanaan program ko-kurikulum sangat dipengaruhi oleh keadaan madrasah, fasiliti yang dimiliki serta keuangan yang tersedia. Untuk mengetahui kegiatan ko-kurikulum di beberapa Madrasah Aliyah Negeri di Jawa Barat, penulis akan menghuraikannya pada pembahasan berikut ini :

a. Madrasah Aliyah Negeri II Bandung

Program ko-kurikulum yang diselenggarakan di Madrasah ini ialah secara umumnya seperti program kegiatan ko-kurikulum yang telah dikemukakan di atas. Namun demikian, pelaksanaan program kurikulum belum dapat berjalan sepenuhnya.

Penulis mendapati keterangan daripada guru besar tentang perkara ini :
*...Madrasah kami masih tergolong muda sehingga ada beberapa kegiatan ko-kurikulum yang belum dapat dilaksanakan.*³⁴ Ketika penulis bertanya kepada beberapa guru tentang program ko-kurikulum dalam hubungannya dengan pembinaan fitrah beragama yang dimiliki oleh pelajar, guru menjawab : “*Pada umumnya program ko-kurikulum memang dirancang agar dapat menanamkan dalam jiwa para pelajar tentang sikap dan kesediaan untuk memahami, menerima dan melaksanakan ajaran agama Islam. Pengembangan fitrah beragama dapat dilihat lebih khusus lagi pada program ko-kurikulum dalam bidang pembinaan ketakwaan kepada Tuhan Yang Maha Esa*”³⁵.

Walaupun program ko-kurikulum tidak semuanya bersifat keagamaan, namun nilai-nilai agama sentiasa menjadi keutamaan dalam setiap program yang dilaksanakan. Sehingga tingkah laku yang ditampilkan oleh pelajar secara umumnya sudah sesuai dengan ajaran agama Islam.

b. Madrasah Aliyah Negeri Cibatu

Kegiatan ko-kurikulum di Madrasah Aliyah Negeri Cibatu mendapat sambutan yang kurang menggembirakan daripada para guru dan pelajarnya. Ramai antara para pelajar yang tidak mengambil bahagian dalam beberapa kegiatan yang dilaksanakan. Namun demikian kegiatan yang bersifat

³⁴ Hasil temubual dengan Encik Syafruddin pada 15 Januari 2001. Beliau ialah Guru Besar Madrasah Aliyah Negeri II Bandung.

³⁵ Hasil temubual dengan Cik E. Fatimah pada 15 Januari 2001. Beliau ialah salah seorang guru Madrasah Aliyah Negeri II Bandung.

keagamaan mendapat sambutan positif, seperti diskusi keislaman, peringatan ma`al hijrah, maulidul Rasul dan lain-lain. Keterbatasan prasarana yang dimiliki merupakan faktor yang sangat berpengaruh terhadap kurangnya minat pelajar dalam mengikuti kegiatan ko-kurikulum di madrasah ini. Contohnya prasarana sukan yang kurang memadai dan tampak tidak terpelihara, peralatan kesenian yang sangat terhad, dan padang madrasah yang tidak terpelihara. Semua itu merupakan penyebab kurangnya minat pelajar dalam program ini.

Ketika penulis meminta keterangan daripada guru besar tentang perkara ini, beliau menjawab: "...*Madrasah kami masih sangat muda,... baru ditubuhkan pada tahun 1995. Lebih diperburuk lagi oleh krisis yang menimpa negara Indonesia pada tahun 1997, sehingga anggaran biaya untuk madrasah ini sangat terhad. Tetapi dengan keterbatasan yang kami miliki, kami berusaha agar program ko-kurikulum dapat berjalan*".³⁶

Daripada beberapa program ko-kurikulum yang dilaksanakan, penanaman nilai-nilai agama terhadap para pelajarnya sangat diutamakan. Salah seorang guru di madrasah ini memberikan pendapat: "...*Sudah menjadi matlamat kami untuk membimbing dan mengembangkan fitrah beragama Islam kepada pelajar kami. Seluruh program madrasah, sama ada kurikulum mahupun ko-kurikulum di arahkan kepada matlamat tadi*".³⁷

³⁶Hasil temubual dengan Drs. Jojo pada 27 Januari 2001. Beliau ialah guru besar Madrasah Aliyah Negeri Cibatu

³⁷Hasil temubual dengan Encik Bubun Sihabul Millah pada 27 januari 2001. Beliau ialah guru Madrasah Aliyah Negeri Cibatu.

Penulis melihat semangat para guru dan pelajar di Madrasah ini telah ada hanya perlu ditingkatkan lagi. Walaupun prasarana dan biaya untuk melaksanakan program ini sangat terhad, namun dengan kesungguhan daripada pelajar dan seluruh kaki tangan madrasah, program ini dapat berjalan.

3

c. Madrasah Aliyah Negeri I Sumedang

Di Madrasah ini kegiatan Ko-kurikulum telahpun berjalan dengan baik, bahkan kalau dibandingkan dengan dua Madrasah di atas, Madrasah Aliyah Negeri I Sumedang ini setahap lebih baik. Di samping usia Madrasah ini telah cukup tua juga didukung dengan prasarana madrasah yang lengkap serta jumlah guru yang memadai.

Keseluruhan program ko-kurikulum di Madrasah ini di bawah pengurusan wakil guru besar bidang hal ehwal pelajar. Terdapat pelbagai kegiatan dijalankan, mulai daripada kegiatan keagamaan, sukan, kesenian, pembinaan organisasi dan kepemimpinan.

.....

Pelaksanaan program ko-kurikulum di madrasah ini tidak terlepas nilai-nilai agama yang menjadi *ruh* daripada setiap kegiatan. Ketika penulis meminta keterangan daripada guru besar tentang perkara ini, beliau menjawab : "... *ialah menjadi tanggungjawab kami untuk mengarahkan seluruh kegiatan di madrasah agar sesuai dan dapat mempertinggi nilai-nilai ketuhanan*".³⁸ Soalan yang sama ditanyakan juga kepada guru di madrasah ini, ia menjawab : "...*Penanaman nilai*

³⁸ Hasil temubual dengan Encik Syahrudin Alisahbana pada 24 Januari 2001. Beliau ialah guru besar Madrasah Aliyah Negeri I Sumedang.

agama mendapatkan keutamaan dalam setiap program ko-kurikulum yang kami laksanakan. Ianya sangat penting untuk menanamkan serta membiasakan para pelajar terhadap kewajipan terhadap Tuhan yang perlu dilaksanakannya”³⁹

Membiasakan para pelajar dengan kegiatan-kegiatan madrasah yang mengambil berat dalam pendidikan nilai-nilai agama merupakan tanggung jawab madrasah. Perkara ini juga dapat memberikan gambaran bahawa Madrasah ini mempunyai kesungguhan untuk mengembangkan fitrah beragama Islam di kalangan pelajarnya.

d. Madrasah Aliyah Negeri Cipasung

Program ko-kurikulum di Madrasah Cipasung telahpun berjalan dengan lancar. Faktor prasarana yang memadai serta keterlibatan guru secara intensif dalam mengarahkan pelajarnya merupakan penyumbang terlaksananya program ini.

.....

Kegiatanya tidak hanya sekedar bersifat keagamaan sahaja tetapi pelbagai kegiatan yang lain seperti pramuka (pengakap), PKS, PMR, dan kegiatan lainnya. Sepengetahuan penulis, program kegiatan keagamaan sangat mendominasi di madrasah ini.

Ketika penulis meminta penjelasan tentang perkara ini, guru besar menjawab : ... *Pada mulanya madrasah ini berupa yayasan pendidikan Islam*

³⁹Hasil temubual dengan Encik Dadang Alawi pada 24 Januari 2001. Beliau ialah salah seorang guru Madrasah Aliyah Negeri I Sumedang.

(pondok pesantren) di bawah pengurusan Yayasan Pendidikan Islam Cipasung. Oleh itu tradisi pondok yang diamalkan oleh pelajar di Madrasah ini sangat melekat. Ianya sengaja diciptakan agar para pelajar di sini berperanan secara aktif dalam mengikuti aktiviti-aktiviti keagamaan.⁴⁰

3

Program kegiatan keagamaan yang sering diadakan di Madrasah ini. Di samping pengkajian ilmu agama daripada beberapa kitab-kitab klasik juga sering diselenggarakan diskusi keagamaan.

Setelah mengamati beberapa kegiatan di Madrasah ini, penulis meminta keterangan daripada guru Pendidikan Agama Islam tentang program ko-kurikulum yang dilaksanakan berhubungan dengan pengembangan fitrah beragama, guru menjawab : ...*Kegiatan-kegiatan ko-kurikulum di Madrasah kami sudah mengarah pada usaha mengembangkan fitrah beragama, sebab semua program yang dilaksanakan sesuai dengan ajaran agama Islam.*⁴¹

.....

Penulis mendapati keterangan bahawa kegiatan apapun yang diselenggarakan di madrasah sentiasa diarahkan dan bersesuaian dengan nilai-nilai agama Islam. Ianya sengaja diciptakan dalam rangka membentuk muslim yang berkeperibadian Islam.

⁴⁰ Hasil temubual dengan Harun Rasyid Djaja pada 26 Januari 2001. Beliau adalah guru Besar Madrasah Aliyah Negeri Cipasung.

⁴¹ Hasil temubual dengan Encik Syahrudin pada 26 Januari 2001. Beliau salah scorang guru Madrasah Aliyah Negeri Cipasung.

e. Madrasah Aliyah Negeri I Garut

Pelaksanaan program ko-kurikulum di Madrasah Aliyah Negeri I Garut secara umumnya sudah berjalan dengan lancar. Ianya bukan sahaja didukung oleh prasarana madrasah yang dimiliki juga semangat guru besar beserta seluruh guru yang sentiasa memotivasi pelajar untuk menjayakan seluruh program pendidikan madrasah.

Di Madrasah ini, setiap program kegiatan yang dilaksanakan mendapat perhatian guru besar. Guru besar memberi tugas kepada salah seorang guru untuk membimbing dalam melaksanakan suatu program kegiatan. Tentu sahaja kehadiran seorang guru dalam program ini memberikan semangat yang lebih kepada para pelajar untuk mengikutinya secara sempurna.

Sesuai dengan misi dan visinya, setiap program ko-kurikulum yang dilaksanakan di madrasah ini sentiasa mengedepankan aspek-aspek spiritual keagamaan. Penanaman nilai keagamaan dapat terlihat daripada kebiasaan mereka ketika memulai kegiatan, bahkan kegiatannya pun diselenggarakan dengan tujuan meningkatkan semangat beragama. Misalnya mengadakan pengkajian keislaman, diskusi keagamaan dan lain-lain.

Ketika penulis mengemukakan soalan: “apakah program ko-kurikulum yang selama ini dilaksanakan telah memadai untuk mengembangkan fitrah beragama bagi pelajar?”, guru besar menjawab : ...*Sudah menjadi matlamat kami untuk mendidik para pelajar menjadi insan yang sedar terhadap tanggung jawapnya terhadap Allah s.w.t. Oleh itu dengan berbekalkan kemampuan yang*

ada, kami berusaha agar kegiatan apapun yang dilaksanakan di madrasah ini dalam rangka membimbing para pelajar menuju terbentuknya keperibadian yang tangguh.⁴²

3

Ketika penulis melakukan temubual dengan beberapa guru pendidikan agama Islam di madrasah ini, mereka memberikan tanggapan yang sama, mereka bertekad untuk melaksanakan tugas mulianya iaitu menanamkan nilai-nilai agama Islam kepada para pelajarnya.

Persefahaman antara guru besar dengan para guru dalam melaksanakan agenda madrasah, khasnya dalam melaksanakan program ko-kurikulum ini sangat menentukan berjaya atau tidaknya perkembangan fitrah beragama seorang pelajar. Perkara ini merupakan tugas mulia yang mesti ditunaikan.

F. Pola Komunikasi Antara Guru Dan Pelajar

1. Ketauladan dan (*Uswatun Hasanah*)

Ada pepatah yang mengatakan bahawa kalau guru kencing berdiri maka murid akan kencing sambil berlari. Seorang guru jangan mengharapkan dapat membentuk sikap dan keperibadian pelajar sesuai dengan tuntunan agama kalau gurunya sendiri hanya pandai bercakap dan pada masa yang sama dia tidak pernah memberikan contoh dan ketauladan.

⁴²Hasil temubual dengan Encik Holil pada 20 Januari 2001. Beliau ialah guru besar Madrasah Aliyah Negeri Garut.

Oleh itu, sudah sepatutnya seorang guru harus mengambil 'ibrah daripada seorang Rasul.⁴³ Kunci keberhasilan dakwah Rasulullah s.a.w. terletak pada prinsip ketauladanan yang diamalkan oleh Beliau. Sebelum mengajak orang lain untuk melakukan sesuatu, Beliau sendiri orang yang pertama melaksanakannya.

*

Makna ketauladanan secara bahasa ialah contoh atau perbuatan yang perlu ditiru⁴⁴, sehingga tepatlah kiranya pendapat al-Qāsimī yang mengatakan bahawa ketauladanan (*uswatun hasanah*) yang ditampilkkan oleh Rasulullah s.a.w. tidak sahaja dalam bentuk ucapan tetapi juga dalam bentuk tingkah laku yang baik untuk diikuti oleh umatnya.⁴⁵

Dalam dunia pendidikan prinsip ketauladanan memegang peranan yang sangat penting dalam membentuk personaliti pelajar. Pada bahagian ini penulis merasa tertarik untuk mengungkapkan penerapan prinsip ketauladanan di beberapa Madrasah Aliyah Negeri Jawa Barat.



Berdasarkan hasil observasi secara langsung di lima Madrasah Aliyah Negeri Jawa Barat yang dijadikan sampel dalam penyelidikan ini, menunjukkan bahwa setiap guru yang mengajar di Madrasah ini telahpun menampilkan perilaku yang cukup baik. Para guru telah menyedari bahawa dirinya dituntut untuk mengamalkan ajaran agamanya seperti sembahyang berjama'ah pada

⁴³Lihat surah al-Ahzāb (33) : 21

⁴⁴Zainal Abidin Safarwan, op.cit., h. 1917

⁴⁵Muhammad Jamil ad-din al-Qasimi (1994), *Tafsir Al-Qasimi*. J. 5, Beirut: Darul Ahya Arabi, h. 498

waktunya, sopan santun dalam bertutur kata, sentiasa mengucapkan salam ketika berjumpa, dan disiplin dalam melaksanakan tugasnya.

Ketika penulis melakukan temubual tentang prinsip ketauladanannya ini, beberapa guru daripada beberapa Madrasah Aliyah yang berbeza memberikan inti komentar yang sama. Salah seorang guru Madrasah Aliyah Negeri Cipasung memberikan komen :...sebagai guru pendidikan Agama Islam kami dituntut untuk memberikan teladan yang baik kepada pelajar kami. Memberikan contoh dalam bentuk tingkah laku, kami anggap lebih baik daripada sekedar berkata-kata. Oleh itu kalau datang waktu solat kami datang ke masjid bersama-sama dengan para pelajar untuk melakukannya.⁴⁶

Pengembangan fitrah beragama di beberapa Madrasah Aliyah Negeri Jawa Barat lebih terfokus pada keperibadian guru yang dijadikan tauladan (*uswah hasanah*) dalam melaksanakan tuntutan agama. Sebab gurulah yang banyak terlibat secara langsung dalam pendidikan sama ada di dalam mahupun di luar bilik darjah.

Lebih khusus lagi keterlibatan guru selalu berusaha untuk menjadikan dirinya sebagai orang yang patut dijadikan contoh oleh para pelajarnya. Dengan demikian secara langsung mahupun tidak langsung mereka telah membimbing pelajar dalam melaksanakan ajaran agamanya sebagai usaha yang berterusan untuk lebih mengembangkan fitrah beragama yang telah dimilikinya.

⁴⁶Hasil temubual dengan Encik Syahruddin pada 26 Januari 2002. Beliau ialah Guru di Madrasah Aliyah Negeri Cipasung.

Berdasarkan pengamatan penulis, guru di Madrasah Aliyah Negeri Jawa Barat yang dijadikan sampel dalam penyelidikan ini selalu memberi contoh yang baik. Misalnya, ketika pelajar tidak segera menempati saf-saf depan dalam pelaksanaan sembahyang berjama`ah, guru Pendidikan Islam menempatkan dirinya pad saf yang paling depan sekaligus memberikan arahan untuk segera mengisi saf-saf yang masih kosong. Demikian juga usaha guru datang lebih awal, memakai pakaian yang rapi, mengucapkan salam, berbicara yang sopan dan selalu memulai setiap aktiviti dengan membaca doa terlebih dahulu serta biasa melakukan ibadah puasa wajib bahkan ada antaranya yang selalu melakukan ibadah puasa sunat. Ini semua menunjukkan bukti bahawa mereka ingin menampilkan dirinya sebagai guru yang patut diteladani.

Dengan cara seperti itu, apabila pelajar tidak melaksanakan peraturan madrasah akan timbul rasa tanggung jawab pada dirinya, sehingga terbentuklah dalam jiwanya sikap untuk mencontohi prilaku guru yang menjadi pujaannya.

Ketauladan

Ketauladan pula mempunyai sifat mendorong orang lain meniru dirinya. Atas dasar itu dalam konteks penyelidikan ini ketauladan yang diperankan oleh seorang guru dalam mengamalkan ajaran-agama Islam akan membentuk ikatan aqidah dalam diri pelajar. Ikatan itu membentuk cara pandang, sikap, perilaku, dan ucapan untuk mengejar matlamat yang utama, iaitu *mardotillāh*.

2. Nasihat (*Mau`izah Hasanah*)

Selain memberikan ketauladanan, guru juga dituntut untuk memberikan nasihat yang baik (*mau`izah hasanah*) kepada para pelajarnya. Nasihat menjadi penting dalam kehidupan manusia kerana di dalam jiwa manusia itu terdapat pembawaan untuk terpengaruh oleh kata-kata yang didengar. Pembawaan itu biasanya tidak tetap. Oleh itu kata-kata nasihat harus sentiasa di ulang-ulang.⁴⁷

Nasihat yang baik bermakna nasihat yang meresap ke dalam hati manusia secara lembut sehingga dapat tersebarnya syi`ar Islam dengan kelembutan, tidak dengan celaan dan hinaan.⁴⁸ Nasihat yang baik mesti bersumberkan kepada yang Maha Baik, iaitu Allah s.w.t. Orang yang memberikan nasihat pula harus ikhlas, bahawa nasihatnya itu dilaksanakan semata-mata kerana Allah s.w.t.⁴⁹

Nasihat yang disampaikan secara ikhlas akan lebih berpengaruh secara positif terhadap pendengarnya sedangkan apabila nasihat itu disampaikan dengan tidak ikhlas, ia hanya akan merupakan kata-kata kosong dan membosankan.

Berdasarkan hasil pengamatan di lokasi kajian, secara umumnya setiap Madrasah Aliyah Negeri menempatkan guru pendidikan Islam sebagai guru yang lebih bertanggung jawab dalam memberikan nasihat kepada para pelajar. Guru secara umumnya dan guru pendidikan Islam khususnya senantiasa

⁴⁷ Muhammad Quthb (1984), *Sistem Pendidikan Islam*. ter. Salman Harun, Bandung: Pt al-Ma`arif, h. 334.

⁴⁸ Sayyid Quthb (1995), *Fī Zilālir Qur'an*. j. 4, Beirut: Darus Syuruk, h. 222

⁴⁹ lihat surah al-Syu'arā (26): 109, 127, 145, 164, dan 180

memberikan nasihat dengan lemah lembut dan kadang-kadang dalam keadaan tertentu agak sedikit keras.

Ketika penulis meminta beberapa guru untuk memberikan komen tentang pentingnya nasihat ini, salah seorang guru menjawab : ...*Kami sentiasa mengutamakan prinsip "linta lahum". Maknanya menyampaikan nasihat-nasihat keagamaan dengan lemah lembut dan yang dapat menyentuh kalbu. Bahkan kalau kami menemukan seorang pelajar yang tidak melakukan sembahyang, maka kami memanggilnya. Kemudian kami memberikan saran dalam bentuk nasihat agama tentang pentingnya sembahyang kepada seorang muslim. Ketika pelajar itu masih berdegil dan tidak melakukan sembahyang lagi, maka kami memanggilnya kembali dan memberikan saran dan nasihat yang lebih keras lagi bahkan kalau perlu memberikan peringatan berupa aturan disiplin madrasah.*⁵⁰

Pada umumnya, isi nasihat yang disampaikan berupa akhlak (etika pergaulan, menggunakan waktu sebaik-baiknya, mengekang hawa nafsu, disiplin dalam melakukan ibadah). Di samping itu perkara yang paling asas lagi ialah tentang tauhid, iaitu menanamkan pemahaman dan kesedaran kepada para pelajar untuk mengEsakan Allah s.w.t. sebagai Tuhan yang wajib disembah.

Hasil temubual dengan para guru menunjukkan bahawa pemberian *mau'izah hasanah* oleh guru Pendidikan Agama Islam, dilakukan dengan cara pemberian kisah-kisah yang terdapat dalam al-Qur'an dan al-Hadith. Ketika

⁵⁰Hasil temubual dengan Encik Gozain Muzakir pada 18 Januari 2001. Beliau ialah Guru Madrasah Aliyah Negeri 1 Garut.

penulis meminta penjelasan. Guru Pendidikan Islam menjawab:... *Setiap kisah yang ada dalam al-Qur'an atau al-Hadith memiliki tujuan-tujuan pendidikan Robbaniyah, melalui kisah-kisah tersebut dapat diambil 'ibrah, sehingga pelajar memiliki akhlak islamiyyah dan perasaan ketuhanan yang mendalam.*⁵¹

Pemberian *mau'izah hasanah* sering kali diberikan dengan tema-tema syukur nikmat. Guru pendidikan Islam menuturkan : ... *dengan sedar akan kewajipan untuk sentiasa bersyukur atas nikmat dan kurniaNya, maka perasaan ketuhanan secara langsung akan mengantarkan pelajar pada pengakuan dirinya terhadap ke-Esaan Allah s.w.t, ke-IlahianNya, kekuasaanNya, sifat-sifatNya dan asma-Nya yang baik, sebagaimana pesan al-Qur'ān dan al-Sunnah. Syukur terhadap nikmat Allah merupakan rasa terima kasih kita atas nikmat yang telah diberikanNya, seperti anggota badan, makan, minum dan menghirup udara. Kesemua itu merupakan anugerah Allah yang perlu kita syukuri sebagai tanda terima kasih dan pengakuan kita terhadap kekuasanNya.*⁵² Ketika penulis bertanya tentang waktu pemberian nasihat, guru menjawab : ... *Selain di dalam bilik darjah kami juga sentiasa memberikan nasihat kepada pelajar kami ketika ada perhimpunan (upacara bendera), ketika mengadakan pengajian di masjid, dan pada waktu sekolah mengadakan peringatan ma'al hijrah, maulidul Rasul dan lain-lain.*⁵³

⁵¹Hasil temubual dengan Encik Dadang Alawi pada 24 Januari 2001. Beliau ialah guru Madrasah Aliyah Negeri I Sumedang.

⁵²Hasil temubual dengan Encik Amir Syarifudin pada 18 Januari 2001. Beliau ialah guru Madrasah Aliyah Negeri I Garut.

⁵³Ibid.

Pemberian *mau'izah hasanah* yang dilakukan oleh guru kepada pelajarnya sentiasa disertai dengan fakta-fakta dan peristiwa sejarah dalam tamadun Islam. Ianya merangkumi fakta kehidupan secara menyeluruh sama ada yang berhubungan dengan fenomena 'alam semesta maupun kehidupan manusia itu sendiri.

Daripada pengamatan di lokasi kajian, nilai asas yang mahu dicapai ialah nilai *Ilahiyyah*, pemberian *mau'izoh hasanah* lebih difahami sebagai usaha untuk menciptakan iklim yang sesuai bagi pengembangan pribadi manusia yang beriman dan bertakwa kepada Allah s.w.t.

Cara pemberian *mau'izoh hasanah* dimaksudkan juga untuk mengingatkan kembali kepada para pelajar tentang tanggung jawab yang perlu dipikulnya sama ada sebagai seorang pelajar maupun sebagai seorang muslim. Dengan cara tersebut, guru bermaksud mengajak para pelajar untuk melaksanakan tuntutan *Ilahiyyah* yang perlu dilaksanakan dalam kehidupan sehari-hari.

Pemberian *mau'izah hasanah* bukan hanya sekedar membina kebersamaan dalam kehidupan madrasah, tetapi juga sebagai usaha guru untuk lebih perihatin terhadap masalah yang dihadapi pelajar. Dengan demikian terjadi hubungan batin antara pelajar dengan guru untuk sama-sama membentuk jiwa yang tangguh, iaitu terwujudnya peribadi muslim yang utuh. Keutuhan ini dilandasi oleh prinsip keseimbangan dan potensi dasar pelajar untuk mencapai tujuan yang lebih tinggi,

iaitu terbentuknya *insan kamil*.⁵⁴ Muhammad Iqbal merumuskan *insan kamil* itu sebagai seorang muslim yang dalam dirinya terdapat kekuatan, wawasan, perbuatan, dan kebijaksanaan.⁵⁵ Peribadi muslim yang dimaksudkan di atas akan mampu memenuhi tuntutan kehidupan bangsa dan negara dalam menggerakkan pembangunan dipelbagai bidang.

Usaha pembentukan *insan kamil* seperti dimaksudkan di atas akan lebih diperlukan lagi ketika negara Indonesia kini menghadapi krisis dalam semua sektor kehidupan. Di samping itu, terjadinya perubahan dunia yang begitu cepat yang melibatkan seluruh aspek kehidupan manusia. Keadaan ini ditandai dengan adanya konflik-konflik, ketegangan mahupun hilangnya keseimbangan dalam kehidupan manusia. Hilangnya keseimbangan ini bukan sahaja mengubah pola kebiasaan dan tingkah laku manusia, tetapi juga pada akhlak yang menjadi landasannya.

Menurut penulis, para pelajar sekolah menengah (Madrasah Aliyah) sedang memasuki usia remaja sehingga mereka merupakan orang yang paling terdedah dengan gejala sosial seperti yang disebutkan di atas. Dengan demikian, ajaran agama sangat diperlukan dalam memberikan pengertian dan pemahaman kepada mereka. Tentu sahaja saranan dan tuntutan *Ilāh iyyah* yang disampaikan mestilah dengan cara yang lemah lembut dan penuh kearifan.

⁵⁴Ahmad Tafsir, Op.cit., h. 130

⁵⁵Dawam Raharjo (1985), *Insan Kamil: Konsep Manusia Menurut Islam*. Jakarta: Temprint, h. 25

3. Pembiasaan

Pembiasaan berasaskan pada pengalaman dan tingkah laku seorang individu yang dilakukan secara berulang-ulang. Oleh itu penjelasan tentang kebiasaan selalu menjadi satu huraian tentang perlunya mengamalkan kebaikan yang telah diketahui.

Inti pembiasaan ialah pengulangan.⁵⁶ Ketika seorang guru selalu mengucapkan salam ketika dia masuk kebilik darjah, maka guru itu telah melakukan kebiasaan. Begitu juga apabila seorang pelajar selalu memberikan salam ketika berjumpa dengan gurunya, bererti dia telah membiasakan dirinya. Dengan kebiasaan seperti ini seorang pelajar akan mengucapkan secara spontan ketika bertemu dengan gurunya di manapun dia berjumpa, bahkan tanpa melalui proses pemikiran terlebih dahulu. Tiba-tiba sahaja dia mengucapkannya.

Dalam pembinaan sikap, metode pembiasaan cukup efektif untuk digunakan. Kita diingatkan dengan pembiasaan yang sentiasa dilakukan oleh Rasulullah s.a.w.. iaitu bangun malam untuk mergerjakan sembahyang.⁵⁷ Kita juga dapat melihat bagaimana orang tua kita membiasakan kepada kita untuk bangun pagi. Kemudian sejak kecil kita diperintahkan untuk melakukan sembahyang subuh, padahal pada waktu itu kita belum mempunyai kewajipan untuk melaksanakannya. Anehnya, kerana kebiasaan itu sekarangpun bila kita telah besar dan dewasa selalu terbangun ketika waktu sembahyang subuh tiba, walaupun tidak ada orang yang mengejutkan kita. Bagi orang yang tidak terbiasa

⁵⁶Ahmad Tafsir, Op.cit., h. 144

⁵⁷Lihat Surah al-Isrā (17) : 79

bangun subuh, dia akan merasa kesulitan untuk bangun pada waktu itu bahkan walau dikehujung sekalipun dia akan marah kerana masih mengantuk dan kemudian tidur balik.

Berdasarkan hasil pengamatan penulis di lima Madrasah Aliyah Negeri Jawa Barat yang menjadi objek kajian, penulis mendapati bahawa metode pembiasaan memainkan peranan yang cukup penting dalam mendidik keberagamaan pelajar. Perkara ini dapat dilihat dengan ketatnya (*strict*) peraturan madrasah dalam menerapkan disiplin dalam sembahyang, ajakan untuk mengucapkan salam ketika berjumpa bahkan disetiap pintu masuk bilik darjah tertampal ajakan untuk mengucapkan salam. Yang lebih menarik lagi, mereka sudah terbiasa memberikan derma kepada kawannya yang mendapat kemalangan atau ditimpa penderitaan, bahkan kepada masyarakat di sekitarnya.

Penulis sungguh kagum ketika pada waktu rehat terdengar suara al-Qur'an dibacakan oleh sekumpulan pelajar secara bergiliran. Ketika penulis meminta penjelasan tentang perkara ini, salah seorang guru Madrasah Aliyah Negeri I Garut menjawab : ...*Menurut kami metode pembiasaan merupakan metode yang cukup efektif dalam menanamkan serta mengembangkan fitrah beragama pelajar. Kebiasaan pelajar membaca ayat-ayat al-Qur'an walau dalam waktu yang sangat singkat (ketika waktu rehat), sembahyang berjamaah, selalu mengucapkan salam ketika berjumpa merupakan kebiasaan-kebiasaan yang dapat membina pelajar ke arah itu.*⁵⁸

⁵⁸Hasil temubual dengan Encik Abu Bakar Tasdig pada 20 Januari 2001. Beliau ialah guru Madrasah Aliyah Negeri I Garut.

Berdasarkan pengamatan penulis bahawa setiap madrasah yang menjadi sampel dalam penelitian ini mengamalkan kebiasaan seperti di atas. Perkara yang membezakan antaranya ialah tentang lamanya waktu yang diperlukan. Misalnya di Madrasah Aliyah Negeri Cipasung kebiasaan sembahyang bukan sahaja sembahyang wajib tetapi juga yang sunnat selalu mendapat perhatian. Pengaruh pondok di madrasah ini sangat mewarnai kehidupannya, terlihat dengan banyaknya aktiviti keagamaan yang biasa dilakukan oleh pelajar.

Di samping itu, kelima-lima Madrasah Aliyah Negeri yang menjadi objek kajian ini sentiasa memulai dan mengakhiri pelajarannya dengan berdoa. Berdoa yang dilakukan dalam beberapa saat sentiasa menjadi amalan yang selalu dilakukan oleh guru maupun pelajar. Doa ini mengandungi kekuatan kejiwaan yang sangat dalam terhadap para pelajar. Dengan berdoa, di samping hubungan antara seorang hamba dengan Tuhannya semakin dekat juga dapat memberikan motivasi kepada para pelajar untuk terus melaksanakan tugas belajarnya. Berdoa pula mengandungi pengertian bahawa apa sahaja yang dilakukan oleh pelajar sentiasa ada dalam lindungan Allah s.w.t.

Ketika penulis meminta penjelasan tentang kebiasaan berdoa ini, salah seorang guru Madrasah Aliyah Negeri Cipasung menjawab : ...*Dalam ajaran Islam doa merupakan suatu yang penting. Ianya mempunyai kekuatan spiritual kepada orang yang melakukannya. Oleh itu kami selalu memulai dan mengakhiri suatu pelajaran dengan berdoa. Di samping lebih meningkatkan lagi kedekatan*

pelajar kami dengan Tuhananya, dengan berdoa pula kita mendapatkan semangat baru ketika mengkaji pelajaran.⁵⁹

Kebiasaan berdoa, apalagi dilakukan secara berulang-ulang akan berpengaruh secara positif terhadap jiwa pelajar. Berdoa akan melahirkan sikap ketergantungan seorang hamba kepada Tuhan. Sehingga pelajar akan menyedari bahawa Tuhanlah yang berkuasa terhadap segalanya. Belajar yang dia lakukanpun tidak dapat menjamin seratus peratus menjadi orang berjaya apabila Tuhan menghendaki sebaliknya.

Penulis mendapati pelajar Madrasah Aliyah Negeri yang menjadi objek kajian ini, sentiasa melakukan doa berjamaah di dalam masjid. Biasanya mereka melakukan doa ini selepas sembahyang. Doa ini sering juga disebut *wirid*. *Wirid* ialah pengucapan doa yang dilakukan secara berulang-ulang. Bacaan yang sering mereka baca ialah *subhānallāh*, *al-hamdulilāh*, *allāhu akbar*, *lā ilāha illallāh*, bacaan *asmāul husna* serta banyak lagi bacaan-bacaan kalimah *toyyibah* yang lain.

Wirid ini mampu memberikan rasa ketenteraman kepada jiwa orang yang melakukannya. Bagi orang yang suka melakukan *wirid* secara berulang-ulang, agama akan dirasakan suatu nikmat dan sumber ketenangan. *Wirid* ini menjadi semakin penting ketika akhir-akhir ini ramai orang yang beragama tetapi kehilangan rasa beragama. Agama selalu dirasakan sebagai perintah yang mesti dilakukan secara paksa. Agama selalu menjadi beban, bukan kesenangan dan

⁵⁹Hasil temubual dengan Cik Nunuy Nursyamsiah pada 26 Januari 2001.

keperluan. Padahal sepatutnya kehadiran agama membawa sinar ketenangan batin dan merupakan suatu keperluan jiwa sehingga ketika kita melakukan ajaran agama, hati kita menjadi semakin tenteram. Ketenteraman itu diperolehi daripada hubungan jiwa yang dilakukan secara langsung dengan Tuhan yang telah menciptakan kita.

G. Soal selidik pada pelajar

Pada bahagian ini, penulis akan mengemukakan hasil soal selidik yang telahpun dilakukan dengan pelajar. 200 responden daripada lima Madrasah Aliyah Negeri Jawa Barat yang dijadikan lokasi kajian telahpun berjaya menjawab beberapa soalan yang diminta oleh penulis.

Soal selidik ini dilaksanakan pada sesi 2000/2001. Oleh itu segala maklumat yang diperolehi hanya seputar aktiviti pelajar pada sesi tersebut. Para pelajar ditanya mengenai beberapa aspek-aspek berikut:

1. Latar Belakang Belajar

Jadual 1: Bilangan sampel mengikut jatina

Jatina	Bilangan	Peratus
Lelaki	83	41,5
Perempuan	117	58,5
N	200	100

Jadual 1 menunjukan bahawa 41,5% sampel terdiri dari pada pelajar lelaki, manakala sisanya adalah pelajar perempuan yang mencapai 58,5%. Ini bermakna bahawa pelajar perempuan melebihi setengah dari keseluruhan sampel berbanding dengan pelajar lelaki.

*

Jadual 2: Bilangan sampel mengikut tempat belajar

Nama Madrasah	Bilangan	Peratus
Madrasah Aliyah Negeri II Bandung	40	20
Madrasah Aliyah Negeri Cibatu	40	20
Madrasah Aliyah Negeri II Sumedang	40	20
Madrasah Aliyah Negeri Cipasung	40	20
Madrasah Aliyah Negeri I Garut	40	20
N	200	100.0

Jadual 2 menunjukan bahawa responden diambil sebanyak 40 orang dari lima Madrasah Aliyah Negeri yang dijadikan sampel dalam penyelidikan ini. Ini bermakna bahawa masing-masing Madrasah Aliyah Negeri diambil 20 peratus dari jumlah responden secara keseluruhan.

Jadual 3: bangsa atau suku sampel

Bangsa/suku	Bilangan	Peratus
Sunda	193	96.5
Jawa	5	2.5
Lain-lain	2	1
N	200	100.0

Jadual 3 memperlihatkan bahawa sebahagian besar (96.5%) responden berasal dari suku (bangsa) sunda, suku jawa dan suku-suku lainnya hanya 3.5%.

2. Kefahaman pelajar tentang konsepsi fitrah beragama

Jadual 4: Kefahaman sampel mengenai konsep fitrah beragama

Pernyataan	Bilangan	Peratus
Sangat memahami	15	7.5
Memahami	177	88.5
Tidak memahami	8	4.0
Sangat tidak memahami	0	0
N	200	100.0

Penulis merasa perlu mengenal pasti, apakah para responden memahami beberapa istilah (konsep) yang dikemukakan oleh penulis ataupun tidak?. Untuk tujuan itu penulis menuliskan ayat al-Qurān surah al-Rūm (30): 30 sebagai dalil tentang fitrah beragama.

Jadual di atas menunjukkan bahawa 96% daripada keseluruhan responden memahami dan sangat memahami erti fitrah beragama. Hanya 8% sahaja yang mengaku tidak memahaminya.

Jadual 5: Hasrat dan semangat siswa dalam mengembangkan fitrah beragama.

Pernyataan	Bilangan	Peratus
Ya (berhasrat)	200	100.0
Tidak berhasrat	0	0
N	200	100.0

Jadual 5 menunjukkan bahawa 100% daripada responden menjawab bahawa mereka mempunyai hasrat dan semangat untuk mengembangkan fitrah beragama yang telah ada pada dirinya. Ramai daripada mereka yang

mengemukakan alasan bahawa mereka melakukan semua itu agar selamat di dunia dan akhirat, manakala sebahagian yang lainnya mengemukakan alasan atas dasar perintah Allah, ketenangan jiwa dan lain-lain.

3. Aktiviti Keagamaan Pelajar.

Jadual 6: Kekerapan sampel dalam menghadiri kelab-kelab agama di Madrasah dalam masa satu bulan.

Pernyataan	Bilangan	Peratus
1 – 2 kali	189	94.5
3 – 4 kali	11	5.5
5 kali ke atas	0	0
Tidak pernah	0	0
N	200	100.0

Jadual di atas menunjukkan bahawa 100% sampel menghadiri kelab-kelab agama. 94.5% di antara mereka menghadiri kelab-kelab pengajian itu sebanyak 1 – 2 kali dalam sebulan, manakala sisanya 3 – 4 kali. Ini bermakna bahawa semua pelajar sering menghadiri kelab-kelab pengajian agama yang sering dilaksanakan di Madrasah.

Jadual 7: Faktor-faktor yang mendorong responden dalam menghadiri kelab-kelab agama.

Pernyataan	Bilangan	Peratus
Ikhlas kerana Allah s.w.t.	200	100.0
Takut oleh guru	0	0
Supaya dipandang baik oleh kawan-kawan	0	0
Hanya untuk mengisi waktu yang kosong	0	0
N	200	100.0

Jadual di atas menunjukan bahawa 100% dari pada responden memilih atas dasar ikhlas kerana Allah s.w.t. mereka menghadiri kelab-kelab agama yang diselenggarakan di Madrasah. Ini bermakna bahawa responden sudah memiliki rasa tanggung jawab terhadap Tuhan.

Jadual 8: Pelaksanaan solat wajib yang lima waktu

Pernyataan	Bilangan	Peratus
Ya	200	100.0
Tidak	0	0
N	200	100.0

Jadual 8 memperlihatkan bahawa 100% daripada responden menyatakan ya. Ini bermakna bahawa seluruh responden sentiasa melaksanakan solat wajib yang lima waktu.

Jadual 9: Cara responden menunaikan sembahyang

Pernyataan	Bilangan	Peratus
Bersendirian	83	41.5
Berjemaah di rumah	5	2.5
Berjemaah di surau/masjid	112	56.0
N	200	100.0

Jadual di atas menunjukan bahawa lebih setengahnya (56.0%) daripada keseluruhan responden melaksanakan sembahyang berjemaah disurau/masjid, manakala 41.5% melaksanakan sembahyang secara bersendirian dan selebihnya melaksanakan solat berjemaah di rumah.

Jadual 10: Pelaksanaan puasa ramadan

Pernyataan	Bilangan	Peratus
Selalu	200	100.0
Kadang-kadang	0	0
Tidak pernah	0	0
N	200	100.0

Jadual 10 menunjukan bahawa 100.0% daripada responden menjawab selalu. Ini bermakna bahawa seluruh sampel sentiasa melaksanakan puasa wajib.

Jadual 12: Membaca ayat-ayat al-Qurān pada waktu rehat di masjid Madrasah.

Pernyataan	Bilangan	Peratus
Selalu	0	0.0
Kadang-kadang	187	93.5
Tidak Pernah	13	6.5
N	200	100.0

Jadual di atas menunjukan bahawa 93.5% daripada keseluruhan responden memilih kadang-kadang, manakala 6.5% menjawab tidak pernah dan tidak ada satupun responden yang menjawab selalu. Ini bermakna bahawa pada umumnya responden kadang-kadang membaca ayat-ayat al-Qurān ketika waktu rehat di masjid Madrasah.

Jadual 12: Faktor-faktor yang menjadi penghalang sampel dalam melaksanakan perintah Allah s.w.t dan menjauhi laranganNya.

Pernyataan	Bilangan	Peratus
Malas	74	37.0
Terlalu sibuk	41	20.5
Terdorong hawa nafsu syaitan	85	42.5
N	200	100.0

Jadual di atas menunjukan bahawa 37.0% daripada responden memilih alasan malas, 20% memilih terlalu sibuk, manakala selebihnya iaitu 42.5% menyatakan terdorong oleh hawa nafsu syaitan. Ini Bermakna ramai dari mereka yang tidak melaksanakan perintah Allah s.w.t. kerana terdorong hawa nafsu syaitan.

4. Pandangan Pelajar Terhadap Madrasah

Jadual 13: Pandangan pelajar tentang kesesuaian Madrasah sebagai prasarana pengembangan fitrah beragama.

Pernyataan	Bilangan	Peratus
Ya	169	84.5
Tidak	27	13.5
Ragu-ragu	4	2.0
N	200	100.0

Jadual di atas menunjukan bahawa 84.5% sampel menyatakan ya, 13.5% menyatakan tidak dan 2% menyatakan ragu-ragu. Ini bermakna bahawa sebahagian besar responden menyatakan bahwa Madrasah tempat mereka belajar merupakan prasarana yang sesuai dalam mengembangkan fitrah beragama. Ketika mereka diminta untuk menjelaskan alasan atas pernyataannya, mereka menjelaskan bahawa di Madrasahnya terdapat masjid yang sering diisi dengan berbagai-bagi kegiatan keagamaan, kegiatan ko-kurikulum yang bersifat keislaman dan banyaknya pelajaran keagamaan di perolehi di dalam kelas. Manakala yang menjawab tidak juga memberikan alasan bahawa madrasahnya belum menjalankan tugasnya secara sepenuhnya, Seperti sering tidak hadirnya guru di madrasah, pengurusan pelbagai kegiatan keagamaan yang kurang kemas

bahkan ada juga yang menjawab kurangnya perhatian guru besar dalam meningkatkan kualiti kegiatan keagamaan.

Hasil soal selidik di atas menunjukkan bahawa para pelajar Madrasah Aliyah Negeri pada umumnya mengikuti pelbagai kegiatan keagamaan di Madrasah, baik yang menyangkut kegiatan belajar di dalam kelas maupun kegiatan ko-kurikulum.

Di samping itu, mereka juga sebahagian besarnya sentiasa melakukan 'amal 'ibadah yang dituntut oleh ajaran agama, seperti solat wajib lima waktu, puasa ramadan, membaca ayat-ayat suci al-Qur'an dan amal 'ibadah yang lainnya.

Pelbagai kegiatan yang sentiasa diikuti oleh pelajar di madrasah sangat membantu dalam usahanya membentuk generasi muslim yang sempurna, iaitu terbentuknya individu muslim yang tidak sahaja cemerlang dari segi intelektual tetapi juga anggun dalam berakhlak. Hanya generasi seperti itulah yang akan mampu menghadapi tantangan zaman dan tidak mudah goyah walau dihadapkan dengan pelbagai dugaan dan cabaran kehidupan yang semakin hari semakin berat. Generasi ini pula yang boleh diharapkan dalam melaksanakan tugas kemanusiaan, iaitu sebagai hamba Allah s.w.t. maupun sebagai wakil Allah s.w.t. (*Khalifatullāh*) untuk memakmurkan bumi ini.